Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Kelantan merekodkan RM7,133.47 juta, dimana 57.7 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM4,114.13 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 42.3 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Kelantan iaitu RM3,019.34 juta.

5.6 PRESTASI SEKTOR PERTANIAN DI KELANTAN

Komposisi utama pertanian di Kelantan didominasi oleh subsektor tanaman yang menyumbang nilai jualan sebanyak RM 5,987.03 juta yang menyumbang sebanyak 83.9 peratus daripada jumlah nilai jualan sektor pertanian di Kelantan. Aktiviti tanaman kelapa sawit, buah-buahan dan sayur-sayuran merupakan antara penyumbang utama nilai jualan masing-masing RM2,542.9 juta, RM1,433.9 juta dan RM1,174.4 juta. Jumlah nilai jualan tiga aktiviti ini merangkumi 86.0 peratus daripada nilai jualan dalam subsektor tanaman dan menyumbang 72.2 peratus daripada nilai jualan sektor pertanian di Kelantan. Kelantan menjadi pengeluar utama bagi buah tembakai di Malaysia dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 58.0 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM412.83 juta. Selain itu, Kelantan juga merupakan antara pengeluar utama buah durian, pisang, manggis dan rambutan di Malaysia. Bagi sayur-sayuran, Kelantan merupakan pengeluar utama bagi

tomato, timun, terung dan cili di Malaysia. Kuantiti pengeluaran tomato di Kelantan merupakan yang kedua tertinggi di Malaysia selepas Pahang dengan nilai 84.5 ribu tan metrik, menyumbang sebanyak 33.3 peratus kepada jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran tomato di Malaysia. Manakala nilai jualan yang dihasilkan adalah RM552.77 juta (35.4%) juga merupakan kedua tertinggi di Malaysia. Sementara itu, kuantiti pengeluaran tanaman terung di Kelantan merupakan yang tertinggi di Malaysia dan tanaman timun merupakan yang kedua tertinggi di Malaysia. Subsektor kedua yang terbesar menyumbang kepada nilai jualan di negeri Kelantan adalah subsektor perikanan tangkapan yang menyumbang sebanyak RM502.09 juta (7.0%) yang dimonopoli oleh aktiviti perikanan tangkapan laut.

Paparan 8: Parameter Utama Sektor Pertanian Mengikut Subsektor Kelantan, 2023

					
	TANAMAN	TERNAKAN	PERIKANAN TANGKAPAN	AKUAKULTUR	PERHUTANAN & PEMBALAKAN
PEGANGAN PERTANIAN	77,378	9,066	1,389	760	218
KELUASAN BERTANAM ('000 HA)	361.9	-	-	-	-
KELUASAN BERTUAI ('000 HA)	316.1	-	-	-	-
KUANTITI PENGETUARAN:					
- TAN METRIK ('000 MT)	3,471.6	0.02	40.1	7.0	0.1
- BIJI ('000)	-	2,300.7	-	-	-
- EKOR ('000)	-	13,559.4	-	14,346.5	-
- LITER ('000)	-	615.4	-	-	-
- METER PADU ('000 M ³)	-	-	-	-	679.1
NILAI JUALAN (RM JUTA)	5,987.03	278.41	502.09	64.79	301.14

5.6 PARAMETER UTAMA PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Gua Musang yang merupakan daerah terbesar di Negeri Kelantan dengan keluasan 6,365 kilometer persegi mencatatkan kawasan luas bertanam paling tinggi iaitu 142.1 ribu hektar dengan keluasan bertuai 122.9 ribu hektar. Keluasan bertanam dan keluasan bertuai kedua terbesar adalah di daerah Kuala Krai masing-masing seluas 48.9 ribu hektar dan 45.2 ribu hektar. Daerah Kecil Lojing mempunyai kawasan bertanam dan bertuai paling kecil iaitu 3.4 ribu hektar dan 3.3 ribu hektar. Namun begitu, nilai jualan yang dihasilkan oleh daerah ini adalah yang ketiga tertinggi di Kelantan dengan nilai sebanyak RM712.51 juta. Nilai jualan tertinggi dicatatkan di Gua Musang dengan nilai RM2,299.39 juta diikuti Kuala Krai sebanyak RM967.23 juta. Ketiga-tiga daerah teratas bagi nilai jualan ini telah meliputi sebanyak 32.2 peratus daripada jumlah nilai jualan pertanian di Kelantan. Penyumbang utama nilai jualan di Gua Musang adalah didorong oleh tanaman kelapa sawit, buah-buahan dan subsektor perhutanan dan pembalakan. Manakala nilai jualan tertinggi di Kuala Krai adalah daripada tanaman kelapa sawit, buah-buahan, pembalakan dan tanaman getah. Daerah Kecil Lojing yang merupakan kawasan tanah sejuk menyokong aktiviti tanaman sayur-sayuran.

Paparan 9 : Parameter Utama Sektor Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

	Keluasan Bertanam ('000 hektar)	Keluasan Bertuai ('000 hektar)	Nilai Jualan (RM juta)
Bachok	22.2	19.8	645.96
Kota Bharu	19.3	16.2	339.96
Machang	13.8	11.9	234.93
Pasir Mas	27.6	24.0	222.56
Pasir Puteh	20.0	16.7	363.44
Tanah Merah	30.8	27.2	359.09
Tumpat	12.6	10.3	298.44
Gua Musang	142.1	122.9	2,299.39
Kuala Krai	49.0	45.2	967.23
Jeli	21.4	18.6	689.99
Kecil Lojing	3.4	3.3	712.51



SUBSEKTOR TANAMAN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

6.0 SUBSEKTOR TANAMAN

6.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR TANAMAN

Subsektor tanaman merupakan subsektor utama dalam kegiatan pertanian di Kelantan yang menyumbang nilai jualan sebanyak RM5,987.03 juta (83.9%) daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Kelantan. Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 77,378 pegangan pertanian subsektor tanaman direkodkan pada tahun 2023 di Kelantan. Daripada jumlah ini, 77,057 (99.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 321 (0.4%) merupakan pegangan pertubuhan. Daerah Pasir Mas mempunyai bilangan pegangan pertanian subsektor tanaman tertinggi iaitu 15,497 (20.0%), diikuti Kuala Krai (11,122; 14.4%) dan Tanah Merah (10,606; 13.7%).


Paparan 10: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan 2023



6.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU SUBSEKTOR TANAMAN

Daripada 77,057 pegangan pertanian individu dalam subsektor tanaman di Kelantan, 99.9 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam subsektor tanaman sebanyak 63.0 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti tanaman, iaitu masing-masing sebanyak 50.0 peratus dan 31.9 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 96.3 peratus. Manakala 45.9 peratus pegangan pertanian individu di Kelantan mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 11: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman, Kelantan, 2023



6.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah kluasan bertanam di Kelantan pada tahun 2023 adalah seluas 361.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 180.7 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 181.3 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, kluasan bertuai merekodkan 316.1 ribu hektar, di mana kluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 159.3 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Kelantan mencatatkan 3,471.6 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 2,656.1 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing menghasilkan 259.6 ribu dan 199.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 3,402.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 2,656.1 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 232.9 ribu dan 165.1 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5,987.03 juta.

Paparan 12: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kelantan, 2023

Subsektor Tanaman

Icon	Parameter	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Keluasan Bertanam ('000 Hektar)	361.9	180.7	181.2
	Keluasan Bertuai ('000 Hektar)	316.1	159.3	156.8
	Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	3,471.6	748.0	2,723.6
	Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	3,402.8	683.4	2,719.4
	Nilai Jualan (RM juta)	5,987.03	2,386.60	3,600.43

6.3 PARAMETER UTAMA PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR TANAMAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Secara keseluruhan pada tahun 2023, Negeri Kelantan merekodkan jumlah kluasan bertanam seluas 361.9 ribu hektar dengan kluasan bertuai 316.1 ribu hektar. Gua Musang yang merupakan daerah terbesar di Negeri Kelantan dengan kluasan 6,365 kilometer persegi turut mencatatkan kawasan luas bertanam paling tinggi iaitu 142.1 ribu hektar dengan kluasan bertuai 122.9 ribu hektar. Kluasan bertanam dan kluasan bertuai kedua terbesar adalah di Kuala Krai masing-masing seluas 48.9 ribu hektar dan 45.2 ribu hektar. Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman Kelantan sebanyak 3,518 ribu tan metrik disumbangkan oleh daerah Gua Musang bernilai 2,026.9 ribu tan metrik diikuti kuantiti jualan sebanyak 2,023 ribu tan metrik. Machang pula menunjukkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan yang paling rendah berbanding 11 daerah yang lain masing-masing dengan nilai 67.5 ribu hektar dan 62.7 ribu hektar. Sebanyak 36.4 peratus nilai jualan bagi subsektor tanaman disumbangkan oleh daerah Gua Musang dengan nilai RM2,179.4 juta, diikuti Kecil Lojing (RM712.13 juta), Kuala Krai (RM693.09 juta) dan Jeli (RM645.78 juta).

Paparan 13: Parameter Utama Subsektor Tanaman Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

Daerah Pentadbiran	Keluasan Bertanam ('000 hektar)	Keluasan Bertuai ('000 hektar)	Kuantiti Pengeluaran ('000 tan metrik)	Kuantiti Jualan ('000 tan metrik)	Nilai Jualan (RM juta)
Bachok	22.2	19.8	164.9	152.8	437.64
Kota Bharu	19.3	16.2	79.5	74.9	193.78
Machang	13.8	11.9	67.7	62.5	210.33
Pasir Mas	27.6	24.0	80.4	74.8	211.88
Pasir Puteh	20.0	16.7	94.3	88.7	200.04
Tanah Merah	30.8	27.2	262.0	259.7	343.56
Tumpat	12.6	10.3	77.9	61.4	159.42
Gua Musang	142.1	122.9	2,026.9	2,022.9	2,179.40
Kuala Krai	49.0	45.2	340.9	334.0	693.09
Jeli	21.4	18.6	174.0	167.7	645.78
Kecil Lojing	3.4	3.3	105.9	103.6	712.13



SUBSEKTOR TERNAKAN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

7.0 SUBSEKTOR TERNAKAN

7.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR TERNAKAN

Subsektor ternakan di Kelantan merekodkan 9,066 pegangan pertanian yang terdiri daripada 9,010 pegangan pertanian individu (99.4%) dan 56 pegangan pertanian pertubuhan (0.6%). Jumlah pegangan pertanian ternakan di negeri ini menyumbang sebanyak 19.4 peratus daripada keseluruhan 46,781 pegangan pertanian ternakan di Malaysia dan merupakan negeri kedua tertinggi pegangan pertanian ternakan di Malaysia selepas negeri Terengganu (12,018). Daerah Bachok mempunyai bilangan pegangan pertanian subsektor ternakan tertinggi dengan merekodkan 3,845 (42.4%) diikuti Kota Bharu, (1,601; 17.7%) dan Tumpat (946, 10.4%). Tiga negeri yang merekodkan pegangan pertanian bagi aktiviti ternakan lembu/kerbau teratas adalah Terengganu dengan 6,981 pegangan pertanian, diikuti Kelantan (4,840 pegangan pertanian) dan Pahang (3,438 pegangan pertanian).


Paparan 14: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan 2023



7.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU SUBSEKTOR TERNAKAN

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan di Kelantan merupakan warganegara Malaysia didominasi oleh lelaki iaitu 7,767 orang (86.2%) berbanding 1,243 perempuan (13.8%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan. Seramai 3,822 orang (42.4 %) daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun & ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (3,129 orang; 34.7%), 31 hingga 45 tahun (1,716 orang; 19.1%) dan 15 hingga 30 tahun (343 orang; 3.8%). Ini menunjukkan subsektor ternakan majoriti diusahakan oleh golongan individu yang telah berusia. Etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 8,871 orang (98.5%) menguasai subsektor ini. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam subsektor ini adalah mereka yang berkahwin iaitu seramai 6,945 orang (77.1%). Seramai 4,901 orang atau 54.4 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan menengah, diikuti oleh pegangan pertanian yang mempunyai sijil pendidikan rendah (2,101 orang; 23.3%) dan pegangan pertanian yang tidak mempunyai sijil (1,339 orang; 14.9%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai sijil peringkat tertiar pula berjumlah 669 orang (7.4 %).

Paparan 15: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Ternakan, Kelantan, 2023



7.2 KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN SUBSEKTOR TERNAKAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Kelantan adalah sebanyak 13,559.4 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 13,014.7 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 2,300.7 ribu biji telur ayam/itik, 615.4 ribu liter susu segar dan 16.1 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, telur puyuh, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 1,891.8 ribu biji telur, 549.1 ribu liter susu segar dan 14.4 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM278.41 juta.

Paparan 16: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kelantan, 2023


 Subsektor Ternakan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Kilogram	16.1	12.3	3.8
ii. Biji	2,300.7	2,089.8	210.8
iii. Ekor	13,559.4	2,178.3	11,381.1
iv. Liter	615.4	510.1	105.3
Kuantiti Jualan ('000)			
i. Kilogram	14.4	10.8	3.7
ii. Biji	1,891.8	1,696.8	195.0
iii. Ekor	13,014.7	1,926.4	11,088.4
iv. Liter	549.1	444.2	104.9
 Nilai Jualan (RM juta)	278.41	129.07	149.34

Berdasarkan kuantiti pengeluaran, aktiviti utama yang dijalankan di bawah subsektor ternakan Kelantan adalah ternakan ayam yang menghasilkan 13.3 juta ekor ayam, ternakan kambing (36.8 ribu ekor) dan ternakan itik (35.7 ribu ekor). Nilai jualan ayam juga merupakan nilai jualan tertinggi bagi ternakan di Kelantan iaitu sebanyak RM168.04 juta selari dengan pengeluaran tertinggi yang dihasilkan. Manakala nilai jualan lembu menduduki tempat kedua sebanyak RM70.19 juta dan diikuti jualan kambing sebanyak RM21.71 juta.


Paparan 17: Pengeluaran dan Jualan Bagi ternakan Utama, Kelantan, 2023



Paparan 18: Aktiviti Utama Subsektor Ternakan Berdasarkan Kuantiti Pengeluaran, Kelantan, 2023



Paparan 19: Aktiviti Utama Subsektor Ternakan Berdasarkan Nilai Jualan, Kelantan, 2023



7.3 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

7.3.1 KUANTITI PENGELUARAN SUBSEKTOR TERNAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan diukur melalui empat jenis unit iaitu ekor bagi haiwan ternakan hidup, biji bagi telur ayam/itik, liter bagi susu segar dan kilogram bagi hasil ternakan lain. Kuala Krai mencatatkan bilangan haiwan ternakan hidup yang dihasilkan tertinggi di Kelantan sebanyak 4,507.6 ribu ekor (33.2%), diikuti Jeli (2,444.7 ribu ekor; 18.0%) dan Gua Musang (2,280.5 ribu ekor; 16.8%). Manakala pengeluaran bagi hasil ternakan seperti telur ayam/itik disumbangkan oleh daerah Pasir Mas (638.3 ribu biji), diikuti Kuala Krai (458.4 ribu biji) dan Kota Bharu (406.7 ribu biji). Ibu negeri Kelantan, Kota Bharu menguasai penghasilan susu segar dari ternakan berjumlah 376.0 liter (61.1%). Hasil ternakan lain seperti sarang burung walet, telur puyuh dan madu dikeluarkan oleh Kota Bharu sebanyak 4.2 kilogram (26.1%), Tanah Merah sebanyak 3.5 kilogram (21.7%), dan Pasir Puteh sebanyak 2.1 kilogram (13.0%).

Paparan 20: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023



Kuantiti Pengeluaran

Daerah Pentadbiran	Ternakan hidup ('000 ekor)	Telur ayam/itik ('000 biji)	Susu segar ('000 liter)	Hasil ternakan lain ('000 kilogram)
Bachok	1,142.2	317.5	1.1	1.2
Kota Bharu	1,142.8	406.7	376.0	4.2
Machang	1,686.7	6.1	3.8	0.9
Pasir Mas	33.3	638.3	55.8	1.1
Pasir Puteh	109.4	245.5	153.0	2.1
Tanah Merah	98.7	59.5	0.001	3.5
Tumpat	113.4	113.1	9.6	0.2
Gua Musang	2,280.5	33.2	15.9	1.0
Kuala Krai	4,507.6	458.4	-	0.5
Jeli	2,444.7	22.5	-	1.3
Kecil Lojing	0.2	-	--	

7.3.2 KUANTITI JUALAN SUBSEKTOR TERNAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Kuala Krai menunjukkan kuantiti jualan tertinggi bagi haiwan ternakan hidup berbanding daerah lain di Kelantan selari dengan bilangan ternakan hidup tertinggi yang dihasilkan. Keadaan ini disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan di Kuala Krai yang telah menjual sebanyak 4,267,136 ekor (99.6%) ternakan hidup berbanding 15,759 ekor (0.4%) berjaya dijual oleh pegangan pertanian individu dalam subsektor ternakan. Situasi yang sama juga berlaku bagi daerah Jeli dan Gua Musang yang masing-masing dapat menghasilkan kuantiti jualan sebanyak 2,306,806 ekor dan 2,274,757 ekor. Kuantiti jualan bagi telur yang tertinggi adalah di Pasir Mas, Kuala Krai dan Kota Bharu sama seperti daerah bagi kuantiti pengeluaran. Kuantiti jualan bagi susu segar dan hasil ternakan lain juga menunjukkan trend daerah yang sama seperti kuantiti pengeluaran yang dihasilkan.

Paparan 21: Kuantiti Jualan Subsektor Ternakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023



Kuantiti Jualan

Daerah Pentadbiran	Ternakan hidup ('000 ekor)	Telur ayam/itik ('000 biji)	Susu segar ('000 liter)	Hasil ternakan lain ('000 kilogram)
Bachok	1,117.6	254.2	1.0	1.1
Kota Bharu	1,110.1	338.1	357.6	3.1
Machang	1,623.8	5.6	3.8	0.7
Pasir Mas	31.8	535.3	27.5	1.1
Pasir Puteh	102.7	178.8	133.6	2.0
Tanah Merah	61.4	51.5	0.001	3.4
Tumpat	102.7	102.7	9.6	0.2
Gua Musang	2,274.8	18.9	15.9	1.0
Kuala Krai	4,282.9	384.7	-	0.5
Jeli	2,306.8	22.0	-	1.2
Kecil Lojing	0.2	-	-	-

7.3.3 NILAI JUALAN SUBSEKTOR TERNAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Subsektor ternakan di Kelantan merekodkan RM278.41 juta nilai jualan pada tahun 2023 menyumbang 1.1% daripada nilai jualan ternakan di Malaysia. Daerah Kuala Krai mencatatkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM57.99 juta bagi subsektor ternakan di Kelantan, diikuti Bachok (RM45.95 juta) dan Jeli (RM39.78 juta).

Paparan 22: Nilai Jualan Subsektor Ternakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023



Nilai Jualan

Daerah Pentadbiran	(RM juta)
Bachok	45.95
Kota Bharu	32.96
Machang	22.79
Pasir Mas	6.49
Pasir Puteh	8.13
Tanah Merah	6.66
Tumpat	24.27
Gua Musang	33.25
Kuala Krai	57.99
Jeli	39.78
Kecil Lojing	0.15

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN




Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

8.0 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN


Perikanan tangkapan merujuk kepada pemungutan dan pengumpulan organisma kehidupan akuatik liar seperti ikan, moluska dan krustasia, termasuk tumbuhan yang terdapat di perairan air tawar atau air masin bagi tujuan komersial. Sejumlah 1,389 pegangan pertanian perikanan tangkapan dicatatkan pada tahun 2023 di Kelantan. Pegangan pertanian ini didominasi oleh individu iaitu 1,379 orang (99.3%) manakala pertubuhan memberi sumbangan sebanyak 0.7 peratus dengan jumlah 10 pertubuhan. Majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut seramai 1,163 orang (99.1 %), manakala baki 216 orang (0.9%) mengusahakan perikanan tangkapan darat. Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 1,113 orang (95.7%), manakala bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam seramai 50 orang (4.3%). Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, keseluruhan 10 pertubuhan terlibat dalam aktiviti perikanan tangkapan laut. Kesemua pertubuhan iaitu sebanyak 10 pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut dalam dengan merekodkan tujuh pertubuhan (70.0%) berbanding tiga pertubuhan (30.0%) yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut pantai. Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut berbanding kawasan laut pantai.

Paparan 23: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023



Tiga daerah mempunyai kawasan laut menjadi pendorong kepada kegiatan perikanan tangkapan di Kelantan iaitu Bachok (455 pegangan pertanian), Tumpat (346 pegangan pertanian) dan Pasir Puteh (225 pegangan pertanian). Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Bachok merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 448 orang (38.5%), manakala Kuala Krai bagi zon darat, dengan 62 orang, menyumbang 28.7 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 24: Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Majoriti pegangan pertanian perikanan tangkapan adalah lelaki seramai 1,371 (99.4%). Pegangan pertanian individu Kelantan dalam aktiviti ini jelas dimonopoli oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera. Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 537 orang (38.9%). Kumpulan umur antara 60 tahun dan ke atas merekodkan 456 orang (33.1%), manakala mereka yang berumur 31 hingga 45 pula menyumbang seramai 342 orang (24.8%). Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, iaitu seramai 584 orang (42.3%), 457 orang (33.1%) memiliki sijil taraf menengah dan seramai 331 orang (24.0%) memiliki sijil taraf rendah dan hanya tujuh orang (0.5%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiari. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 25: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023



8.2 KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN


Secara keseluruhan, aktiviti perikanan tangkapan di Kelantan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 40.0 ribu tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 36.1 ribu tan metrik, bersamaan 90.2 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 3.9 ribu tan metrik (9.8%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 39.8 ribu tan metrik, bersamaan 99.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.2 ribu tan metrik atau hanya 0.5 peratus dan dioperasikan oleh semua pegangan pertanian individu. Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 3.9 ribu tan metrik daripada aktiviti perikanan tangkapan laut. Ringkasnya, pengeluaran perikanan tangkapan pegangan pertanian individu dan pertubuhan hampir keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.

Paparan 26: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



Kuantiti jualan aktiviti perikanan tangkapan di Kelantan merekodkan sebanyak 39.6 ribu tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 36.0 ribu tan metrik (90.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 3.6 ribu tan metrik (9.1%). Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 39.4 ribu tan metrik (99.5%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.2 ribu tan metrik (0.5%).

Paparan 27: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan Kelantan, 2023




Paparan 28: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	40.0	36.1	3.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	39.6	36.0	3.6
Nilai Jualan (RM juta)	502.09	450.29	51.80

Subsektor perikanan tangkapan di Kelantan merekodkan nilai jualan kedua tertinggi di Kelantan dengan nilai sebanyak RM502.09 juta. Nilai jualan terbesar disumbang oleh pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM450.29 juta (89.7%) daripada jumlah keseluruhan. Ini menunjukkan pegangan pertanian individu terus mendominasi pasaran perikanan tangkapan negeri. Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM498.70 juta atau 99.3 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM3.39 juta, bersamaan dengan 0.7 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.

Paparan 29: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



8.3 PARAMETER UTAMA PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN MNEGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Subsektor tangkapan perikanan Kelantan didominasi oleh 3 daerah yang mempunyai laut iaitu Bachok, Pasir Puteh dan Tumpat. Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan ialah Bachok dengan jumlah pengeluaran 12.1 ribu tan metrik (30.3%), diikuti oleh Pasir Puteh (10.6 ribu tan metrik, 26.5%) dan Tumpat (10.0 ribu tan metrik, 25.0%). Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapatkan bahawa tiga daerah pentadbiran ini turut mencatatkan kuantiti jualan teratas

iaitu Bachok dengan nilai sebanyak 12.1 ribu tan metrik (30.5%), diikuti oleh Pasir Puteh (10.6 ribu tan metrik, 26.5%) dan Tumpat (9.7 ribu tan metrik, 25.2%). Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Bachok dengan nilai jualan sebanyak RM156.14 juta (31.1%), diikuti Pasir Puteh sebanyak RM139.44 juta (27.8%) dan Tumpat RM107.03 juta (21.3%). Secara keseluruhannya, gabungan ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang melebihi 80 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran, kuantiti dan nilai jualan perikanan tangkapan Kelantan.

Paparan 30: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023



Daerah Pentadbiran	Kuantiti Pengeluaran ('000 tan metrik)	Kuantiti Jualan ('000 tan metrik)	Nilai Jualan (RM juta)
Bachok	12.1	12.1	156.14
Kota Bharu	7.0	7.0	94.69
Machang	0.01	0.01	0.09
Pasir Mas	0.01	0.01	0.19
Pasir Puteh	10.6	10.6	139.44
Tanah Merah	0.02	0.02	0.42
Tumpat	10.0	9.7	107.03
Gua Musang	0.2	0.2	2.5
Kuala Krai	0.1	0.1	1.46
Jeli	0.07	0.07	0.08
Kecil Lojing	0.01	0.01	0.02

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR AKUAKULTUR


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

9.0 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

9.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Akuakultur terdiri daripada empat jenis aktiviti iaitu akuakultur air payau, air tawar, ikan hiasan dan baka dan benih. Akuakultur di negeri Kelantan pada tahun 2023 merekodkan 760 pegangan pertanian. Pegangan pertanian individu merupakan sumbangan terbesar sebanyak 93.0 peratus dengan bilangan seramai 707 orang direkodkan berbanding pertubuhan sebanyak 53 pertubuhan (7.0%). Tumpat mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan merekodkan 126 pegangan (16.6%), diikuti Pasir Puteh merekodkan 106 pegangan (13.9%) dan Kota Bharu (100 ; 13.2%).


Paparan 31: Pegangan Pertanian Subsektor Akuakultur Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan 2023



9.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Semua 707 pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur di Kelantan merupakan warganegara Malaysia. Pegangan pertanian individu di Kelantan didominasi oleh lelaki iaitu seramai 664 orang (93.9%) berbanding 43 perempuan (6.1%). Golongan umur pertengahan berumur 31 hingga 59 tahun seramai 464 orang (62.6%) menguasai aktiviti akuakultur di Kelantan. Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 701 orang (99.2%) dan golongan yang telah berkahwin (596 orang; 84.3%). Seramai 454 orang atau 64.2 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat tertiar seramai (133 orang; 18.8%) dan peringkat rendah (77 orang; 10.9%). Pegangan pertanian individu yang tiada sijil pula berjumlah 43 orang (6.1%).

Paparan 32: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023



9.2 KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Keluasan ternakan akuakultur merujuk kepada kawasan fizikal yang digunakan untuk aktiviti penternakan hidupan aquatik seperti ikan, udang, kerang-kerangan dan spesies lain bagi tujuan komersial atau pemuliharaan meliputi kolam, sangkar, kawasan laut, tasik dan sistem tertutup yang diwartakan atau didaftarkan bagi pengeluaran akuakultur. Keluasan ternakan akuakultur bagi Kelantan adalah seluas 184.4 hektar. Kuantiti pengeluaran dan jualan menggunakan unit ukuran tan metrik bagi kategori akuakultur air payau dan air tawar, manakala bagi kategori akuakultur baka & benih dan ikan hiasan unit ukuran yang digunakan ialah ekor. Ini selaras dengan amalan pelaporan standard Jabatan Perikanan Malaysia dan *Food and Agriculture Organization (FAO)*. Subsektor akuakultur di Kelantan merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 7.0 ribu tan metrik meliputi ternakan air tawar dan air payau. Berdasarkan kuantiti pengeluaran, ikan keli, patin dan talapia merah banyak diternak di Kelantan (Rajah 1). Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 6.2 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 14,346.5 ribu ekor dan 13,371.8 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM64.79 juta.

Paparan 33: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023

Subsektor Akuakultur			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Kuantiti Pengeluaran ('000)		
i. Tan Metrik	7.0	6.2	0.8
ii. Ekor	14,346.5	6,714.5	7632.0
	Kuantiti Jualan ('000)		
i. Tan Metrik	6.2	5.5	0.7
ii. Ekor	13,371.8	6,642.5	6,729.3
	Nilai Jualan (RM juta)	64.79	52.10
			12.69

Rajah 1: Ternakan Utama Berdasarkan Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023

Keli	Patin	Tilapia Merah
3,614.3 tan metrik	2,002.2 tan metrik	679.6 tan metrik

9.3 PARAMETER UTAMA PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR AKUAKULTUR MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Pasir Puteh mempunyai keluasan ternakan akuakultur terbesar di Kelantan iaitu seluas 46.4 hektar, diikuti daerah Kuala Krai seluas 30.2 hektar dan Gua Musang berkeluasan 20.9 hektar. Bagi pengeluaran ikan air payau dan tawar dalam unit tan metrik, Pasir Puteh menghasilkan sebanyak 1.2 ribu tan metrik, diikuti Kota Bharu menghasilkan sebanyak 1.1 ribu tan metrik dan Bachok (1.0 ribu tan metrik). Trend yang sama ditunjukkan oleh kuantiti jualan bagi hasil ternakan ikan air payau dan tawar. Manakala bagi ternakan baka dan benih dan ikan hiasan, Kuala Krai menghasilkan sebanyak 5,916.1 ribu ekor dan sebanyak 5,312.2 ribu ekor dijual daripada hasil tersebut. Ini diikuti oleh kauntiti pengeluaran oleh Tanah Merah sebanyak 2,550.4 ribu ekor dan Tumpat sebanyak 2,407.1 ribu ekor. Nilai jualan subsektor akuakultur yang tertinggi dicatatkan oleh daerah Pasir Puteh sebanyak RM15.65 juta dengan sumbangan sebanyak 24.2% daripada jumlah nilai jualan negeri. Ini bersesuaian dengan penghasilan ternakan air payau dan tawar tertinggi dihasilkan berbanding daerah lain.

Paparan 34 : Parameter Utama Subsektor Akuakultur Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

Daerah Pentadbiran	(hektar)	Keluasan ternakan	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan	
		(‘000 tan metrik)	(‘000 ekor)	(‘000 tan metrik)	(‘000 ekor)	(RM juta)
Bachok	14.5	1.0	249.8	0.8	201.1	6.15
Kota Bharu	20.2	1.1	1,201.8	1.0	1,201.8	8.82
Machang	10.9	0.3	263.9	0.2	3.5	1.71
Pasir Mas	9.4	0.6	0.4	0.5	0.4	4.00
Pasir Puteh	46.4	1.2	276.6	1.2	276.6	15.65
Tanah Merah	11.7	0.5	2,550.4	0.4	2,537.9	5.76
Tumpat	8.8	0.9	2,407.1	0.7	2,406.6	7.70
Gua Musang	11.4	0.2	426.5	0.2	416.3	4.49
Kuala Krai	30.2	0.6	5,916.1	0.6	5,312.2	6.21
Jeli	20.9	0.5	1,053.9	0.4	1,015.5	4.29
Kecil Lojing	-	-	-	-	-	-



SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

10.0 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKKAN

10.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Subsektor Perhutanan dan Pembalakan di negeri Kelantan turut menjadi penyumbang kepada ekonomi setempat dari aspek pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan pekerjaan. Secara keseluruhan, sebanyak 218 pegangan pertanian telah direkodkan di seluruh negeri pada tahun 2023, merangkumi 202 pegangan pertanian individu (92.7%) dan 16 pegangan pertanian pertubuhan (7.3%).


Paparan 35: Pegangan Pertanian Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan 2023



10.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Pegangan pertanian individu di Kelantan didominasi oleh lelaki iaitu 193 orang (95.5%) berbanding 9 perempuan (4.5%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan. Semua pegangan pertanian individu adalah berstatus warganegara, dan seramai 198 orang (98.0%) adalah bumiputera dan baki 4 orang lagi berbangsa Cina (2.0%). Subsektor perhutanan dan pembalakan diceburi lebih ramai oleh golongan umur pertengahan antara 31 hingga 45 tahun yang menyumbang kepada 42.1 peratus, diikuti golongan berumur 46 hingga 59 tahun (22.8%), golongan belia berumur 15 hingga 30 tahun (21.3%) dan golongan warga emas berumur 60 tahun ke atas (13.9%). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa subsektor ini memerlukan kudrat tenaga golongan muda dan dewasa untuk mengusahakannya. Majoriti pegangan pertanian individu adalah yang telah berkahwin (172 orang; 85.2%). Sejumlah 50.0 peratus (101 orang) yang terlibat dalam subsektor ini tidak mempunyai sijil, berpendidikan rendah seramai 77 orang (38.1%), berpendidikan menengah seramai 22 orang (10.9%) dan berpendidikan tahap tertiar hanya dua orang (1.0%).

Paparan 36: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023



10.2 KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Kelantan adalah 679.1 ribu meter padu, manakala kuantiti jualan adalah 679.1 ribu meter padu. Ini dimonopoli oleh pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 677.9 ribu meter padu (99.8%) dan pegangan pertubuhan individu hanya menyumbang sebanyak 1.2 ribu meter padu (0.2%). Aktiviti pembalakan yang dilaporkan dalam Banci Pertanian 2024 adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Perhutanan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 71.6 ribu kilogram dan 71.1 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Semua pengeluaran hasil hutan bukan kayu adalah melibatkan pegangan pertanian individu yang kebanyakannya melibatkan masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman Gua Musang, Lojing, Kuala Krai, Jeli dan lain-lain. Antara hasil hutan yang dikeluarkan adalah rotan, buluh, gaharu, madu, akar kayu & herba dan lain-lain. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM301.14 juta. Sumbangan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti pembalakan sebanyak 99.6 peratus.

Paparan 37: Parameter Utama Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Kelantan, 2023

Subsektor Perhutanan dan Pembalakan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Kilogram	71.6	71.6	-
ii. Meter Padu	679.1	1.2	677.9
 Kuantiti Jualan ('000)			
i. Kilogram	71.1	71.1	-
ii. Meter Padu	679.1	1.2	677.9
 Nilai Jualan (RM juta)	301.14	1.27	299.87

5. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
6. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

10.3 PARAMETER UTAMA PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Kuala Krai mencatatkan nilai jualan tertinggi berbanding daerah lain di Kelantan bagi subsektor perhutanan dan pembalakan iaitu bernilai RM208.47 juta (69.2%). Aktiviti pembalakan merupakan penyumbang tertinggi di Kuala Krai bagi kuantiti pengeluaran dan jualan sebanyak 527.2 ribu meter padu. Seterusnya daerah Gua Musang merupakan daerah kedua tertinggi nilai jualan iaitu RM79.72 dan merupakan daerah kedua tertinggi bagi aktiviti pembalakan. Dua daerah di Kelantan tidak mempunyai subsektor perhutanan dan pembalakan iaitu daerah Machang dan Pasir Mas. Manakala daerah Bachok, Tumpat, Jeli dan Kecil Lojing hanya mempunyai aktiviti kutipan hasil hutan bukan kayu. Daerah Kota Bharu dan Tanah Merah pula hanya mempunyai aktiviti pembalakan dan mencatatkan nilai jualan ketiga dan keempat tertinggi masing-masing RM9.71 juta dan RM2.71 juta.

Paparan 38: Parameter Utama Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

Daerah Pentadbiran	Kuantiti Pengeluaran		Kuantiti Jualan		Nilai Jualan (RM juta)
	('000 kilogram)	('000 meter padu)	('000 kilogram)	('000 meter padu)	
Bachok	8.7	-	8.7	-	0.08
Kota Bharu	-	22.2	-	22.2	9.71
Machang	-	-	-	-	-
Pasir Mas	-	-	-	-	-
Pasir Puteh	12.6	1.2	12.6	1.2	0.17
Tanah Merah	-	7.6	-	7.6	2.71
Tumpat	2.8	-	2.8	-	0.02
Gua Musang	21.2	120.9	21.0	120.9	79.72
Kuala Krai	0.3	527.2	0.3	527.2	208.47
Jeli	6.8	-	6.5	-	0.07
Kecil Lojing	19.3	-	19.3	-	0.21



AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

11.0 PARAMETER UTAMA PERTANIAN MENGIKUT DAERAH

11.1 BACHOK

Sektor pertanian memainkan peranan utama dalam meningkatkan ekonomi daerah Bachok. Pegangan pertanian di Bachok adalah 9,947 (11.3%) meliputi seramai 9,935 pegangan pertanian individu dan 12 pertubuhan. Majoriti pegangan pertanian terlibat dalam subsektor tanaman sejumlah 5,736 (57.7%). Selain itu, pegangan pertanian bagi subsektor ternakan dan perikanan tangkapan di Bachok merupakan yang tertinggi berbanding daerah lain di Kelantan dengan masing-masing berjumlah 3,845 dan 455. Keluasan bertanam bagi daerah ini adalah 22.2 hektar dan luas bertuai adalah 19.8 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Bachok merupakan yang kelima tertinggi di Kelantan dengan nilai sebanyak RM645.96 juta (9.1%) pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian di Bachok yang menyumbang 67.8 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Bachok. Subsektor tanaman merekodkan nilai jualan tertinggi sejumlah RM437.64 juta, diikuti oleh subsektor perikanan tangkapan berjumlah RM156.14 juta (24.2%), subsektor ternakan RM45.95 juta (7.1%), subsektor akuakultur RM6.15 juta (1.0%) dan perhutanan dan pembalakan RM0.08 juta (0.0%) di Bachok.


Carta 2: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Bachok, Kelantan, 2023 (RM juta)



11.1.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN

Subsektor tanaman melibatkan aktiviti tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman lain dan padi merupakan hasil utama bagi Bachok. Tanaman sayur-sayuran merupakan penyumbang utama nilai jualan bagi subsektor tanaman daerah ini. Terung, timun, cili dan labu air/manis merupakan sayur-sayuran utama yang dikeluarkan di daerah ini. Bachok juga merupakan pengeluar utama tembakai di Malaysia yang berjumlah 30.5 ribu tan metrik dengan kuantiti jualan sebanyak 29.3 ribu tan metrik bernilai RM58.86 juta. Selain itu, buah-buahan seperti durian dan pisang serta tanaman lain seperti kelapa muda dan jagung manis juga menjadi tanaman utama di daerah ini.

Carta 3: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Bachok, Kelantan, 2023 (RM juta)



Subsektor perikanan tangkapan juga menunjukkan nilai jualan yang memberangsangkan berikutan kawasan Bachok mempunyai kawasan laut dalam dan pantai yang menyokong aktiviti perikanan tangkapan laut. Hasil tangkapan laut yang utama adalah kerisi, kembong, udang putih dan bawal putih. Manakala subsektor akuakultur di Bachok lebih tertumpu kepada aktiviti ternakan ikan air payau dan tawar seperti keli dan patin kerana ia menghasilkan nilai jualan yang lebih tinggi berbanding aktiviti ternakan benih baka dan ikan hiasan. Ternakan ayam, itik, lembu, kambing dan bebiri merupakan antara pengeluaran yang tinggi di daerah ini. Hasil ternakan telur ayam/itik juga menyumbang kepada ekonomi setempat. Kawasan lapang dan padang rumput di sekitar Bachok mendorong aktiviti ternakan haiwan hidup. Bagi subsektor perhutanan dan pembalakan, hanya aktiviti kutipan hasil hutan bukan kayu seperti buluh, gelama (kayu putih), getah sekrap dan sarang burung yang diusahakan oleh beberapa penduduk daerah ini. Ini berikutan Bachok tidak mempunyai kawasan hutan yang tebal.


Paparan 4: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Bachok, Kelantan, 2023



11.2 KOTA BHARU

Kota Bharu merupakan ibu negeri dan daerah yang paling padat di negeri Kelantan serta merupakan pusat pentadbiran dan ekonomi utama negeri. Namun begitu, sektor pertanian masih memainkan peranan penting terutamanya di kawasan pinggir bandar dan luar bandar daerah ini. Pegangan pertanian di Kota Bharu adalah berjumlah 7,762 yang mana seramai 7,686 adalah pegangan pertanian individu dan 76 pegangan pertubuhan. Pegangan pertanian pertubuhan di Kota Bharu merupakan yang kedua tertinggi berbanding daerah lain di Kelantan yang menyumbang sebanyak 17.2 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian pertubuhan di Kelantan. Keluasan bertanam dan bertuai di Kota Bharu adalah 19.3 ribu hektar dan 16.2 ribu hektar. Nilai jualan sektor pertanian mencecah nilai RM339.96 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama nilai jualan dengan nilai RM193.78 juta (57.0%) diikuti subsektor perikanan tangkapan berjumlah RM94.69 juta (27.9%), subsektor ternakan (RM32.96 juta; 9.7%), subsektor akuakultur (RM8.82 juta; 2.6%), subsektor perhutanan dan pembalakan (RM9.71 juta; 2.9%).


**Carta 4: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian, Kota Bharu, Kelantan, 2023
(RM juta)**



11.2.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN

Kota Bharu merupakan antara penyumbang utama kepada aktiviti penanaman padi di bawah kawasan pengairan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang mana KADA memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pemodenan industri padi di kawasan Kota Bharu, terutama di kawasan yang berada dalam Lembangan Kemubu yang meliputi sebahagian besar kawasan jelapang padi di Kelantan. Ini disokong hasil dapatan Banci Pertanian 2024 yang menunjukkan Kota Bharu merupakan daerah yang paling banyak menghasilkan tanaman padi sebanyak 58.88 ribu tan metrik. Ia juga merupakan nilai jualan yang kedua tertinggi bagi subsektor tanaman di Kota Bharu bernilai RM55.43 juta. Aktiviti tanaman buah-buahan memberikan sumbangan nilai jualan tertinggi bagi subsektor tanaman sebanyak RM82.04 juta. Tanaman utama adalah durian, tembikai, rambutan, pisang dan manggis. Manakala sayur-sayuran utama adalah timun dan cili serta tanaman lain yang utama adalah kelapa muda, jagung manis dan tebu. Kedudukan Kota Bharu bersebelahan dengan Bachok yang mempunyai kawasan laut turut menyokong penglibatan penduduk dalam aktiviti perikanan tangkapan laut dan menghasilkan tangkapan utama seperti sotong, kerisi, aya hitam dan bawal putih. Manakala ternakan utama akuakultur daerah ini adalah keli, patin, kerapu dan siakap. Subsektor ternakan pula dikuasai oleh ternakan ayam dan bebiri. Aktiviti pembalakan yang melibatkan kayu getah, kayu malaysia dan meranti diusahakan di bawah subsektor perhutanan dan pembalakan.

Carta 5: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Kota Bharu, Kelantan, 2023 (RM juta)



Paparan 40: Aktiviti Utama Pertanian Mengikut Nilai Jualan, Kota Bharu, Kelantan, 2023



Tanaman Durian

- Kuantiti Pengeluaran: 5.0 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM64.48 juta



Tanaman Padi

- Kuantiti Pengeluaran: 45.4 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM55.43 juta



Tangkapan Sotong

- Kuantiti Pengeluaran: 1.2 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM18.09 juta



Tangkapan ikan Aya Hitam

- Kuantiti Pengeluaran: 1.1 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM17.47 juta




Ternakan Ayam

- Kuantiti Pengeluaran: 975.5 ribu ekor
- Nilai Jualan: RM12.74 juta

11.3 MACHANG

Daerah Machang bersempadan dengan daerah Kuala Krai, Tanah Merah, Kota Bharu dan Pasir Puteh. Bilangan pegangan pertanian di Machang adalah berjumlah 7,414 yang dimonopoli oleh pegangan pertanian individu seramai 7391 (99.6%). Subsektor tanaman memiliki pegangan pertanian tertinggi dengan pengusaha individu seramai 7,149 orang (99.7%) dan pertubuhan pertanian sebanyak 16 pertubuhan (0.2%). Keluasan bertanam dan keluasan bertuai bagi daerah ini adalah yang ketiga berbanding daerah lain di Kelantan. Nilai jualan sektor pertanian bagi Machang sebanyak RM234.93 juta merupakan kedua terendah selepas daerah Pasir Mas yang bernilai RM222.56 juta. Subsektor tanaman menjadi penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Machang yang merekodkan nilai jualan sebanyak RM210.33 juta (89.53%). Namun begitu kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan bagi subsektor tanaman adalah yang terendah berbanding daerah-daerah lain iaitu 67.7 ribu tan metrik dan 62.9 ribu tan metrik. Subsektor ternakan menyumbang nilai jualan sebanyak RM22.79 juta (9.7%), diikuti akuakultur RM1.71 (0.7%) dan perikanan RM0.09 juta (0.0%). Tiada aktiviti berkaitan subsektor perhutanan dan pembalakan direkodkan di Machang pada tahun 2023.

Carta 6: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Machang, Kelantan, 2023 (RM juta)




11.3.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN


Tanaman buah-buahan menyumbang nilai jualan paling besar sebanyak RM120.34 juta (57.2%) bagi subsektor tanaman. Durian merupakan tanaman buah utama di daerah ini dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 7.4 ribu tan metrik dan nilai jualan sebanyak RM110.32 juta. Tanaman pisang, tembakai dan manggis juga banyak dihasilkan di Machang. Kuantiti pengeluaran bagi tanaman kelapa sawit adalah yang tertinggi dalam

subsektor tanaman menyumbang nilai jualan sebanyak RM23.63 juta. Selain itu, tanaman padi dan getah juga menyumbang nilai jualan yang besar sebanyak RM22.08 juta dan RM20.70 juta. Sebanyak 1.68 juta ekor ayam dihasilkan di Machang pada tahun 2023 menyumbang nilai jualan tertinggi dalam subsektor ternakan. Selain itu, ternakan kambing dan lembu juga aktif dijalankan di daerah ini. Manakala ternakan akuakultur melibatkan ikan keli, patin dan tilapia merah.

Carta 7: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Machang, Kelantan, 2023 (RM juta)




Paparan 41: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Machang, Kelantan, 2023



11.4 PASIR MAS

Pegangan pertanian di Pasir Mas berjumlah 16,122 (18.4%) merupakan yang tertinggi di Kelantan dengan seramai 16,108 orang adalah pengusaha individu dan 23 pertubuhan. Mereka ini mendominasi subsektor tanaman seramai 15,497 (19.4%) dan merupakan daerah yang tertinggi di Kelantan bagi pegangan pertanian dalam subsektor tanaman. Namun begitu, nilai jualan bagi sektor pertanian di Kelantan merupakan yang terendah berbanding sebelas daerah lain iaitu RM222.56 (3.1%). Kompisisi nilai jualan ini menunjukkan subsektor tanaman menjadi penyumbang utama sebanyak RM211.88 juta (95.2%), diikuti oleh subsektor ternakan RM6.49 juta (2.9%), akuakultur RM4.00 juta (1.8%) dan seterusnya perikanan tangkapan RM0.19 juta (0.1%).


Carta 8: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Pasir Mas, Kelantan, 2023 (RM juta)




11.4.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN

Pasir Mas dengan keluasan 569.5 kilometer persegi merekodkan seluas 27.6 ribu hektar keluasan bertanam dan 24.0 ribu hektar keluasan bertuai. Berdasarkan nilai jualan, tanaman buah-buahan menjana nilai tertinggi iaitu RM82.85 juta, diikuti tanaman padi (RM56.36 juta) dan getah (RM37.34 juta). Tanaman utama buah-buahan di daerah ini adalah durian, pisang, tembakai dan manggis. Namun begitu, dari segi kuantiti pengeluaran, tanaman padi merupakan yang utama sebanyak 48.9 ribu tan metrik diikuti buah-buahan (11.1 ribu tan metrik) dan getah (8.2 ribu tan metrik). Pegangan pertanian individu bagi tanaman getah di daerah ini merupakan yang tertinggi berbanding daerah lain di Malaysia. Manakala subsektor ternakan utama adalah ternakan lembu dan kambing serta hasil ternakan seperti telur ayam/itik dan susu segar. Ternakan akuakultur di daerah ini banyak menternak ikan keli, patin dan tilapia merah berbanding spesies yang lain.

Carta 9: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Pasir Mas, Kelantan, 2023 (RM juta)




Paparan 42: Aktiviti Utama Pertanian Mengikut Nilai Jualan, Pasir Mas, Kelantan, 2023



11.5 PASIR PUTEH

Pasir Puteh merupakan salah satu daerah yang mempunyai kepelbagaian aktiviti pertanian. Walaupun hanya mempunyai seramai 5,826 pegangan pertanian yang menyumbang sebanyak 6.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian di Kelantan, nilai jualan sektor pertanian yang direkodkan adalah sebanyak RM363.44 juta merupakan yang ke-enam tertinggi berbanding daerah-daerah lain di Kelantan. Seperti daerah lain di Kelantan, subsektor tanaman juga merupakan subsektor teratas yang menyumbang kepada ekonomi setempat dengan nilai jualan sebanyak RM200.04 juta (55.0%). Manakala nilai jualan bagi subsektor perikanan tangkapan adalah sebanyak RM139.44 juta (38.4%), diikuti akuakultur sebanyak RM15.65 juta (4.3%), ternakan sebanyak RM8.13 juta (2.2%) dan subsektor perhutanan dan pembalakan sebanyak RM0.17 juta (0.0%). Pasir Puteh mencatatkan bilangan pegangan pertanian bagi subsektor perikanan tangkapan yang ketiga tertinggi di Kelantan sebanyak 225 pegangan yang menyumbang sebanyak 16.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian dalam subsektor perikanan tangkapan. Bentuk muka bumi daerah yang mempunyai laut mendorong rakyat sekitar untuk terlibat dalam aktiviti perikanan tangkapan. Manakala, subsektor akuakultur mencatatkan bilangan pegangan pertanian kedua tertinggi seramai 106 pegangan (16.6%) berbanding daerah lain di Kelantan.


Carta 10: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Pasir Puteh, Kelantan, 2023 (RM juta)



11.5.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN

Subsektor tanaman di Pasir Puteh pada tahun 2023 mencatatkan kluasan bertanam berjumlah 20.0 ribu hektar dengan kluasan bertuai seluas 16.7 ribu hektar. Tanaman padi mendominasi kluasan bertanam yang tertinggi seluas 15.7 ribu hektar (78.5%) dengan kluasan bertuai seluas 12.6 ribu hektar (75.4%). Kuantiti pengeluaran bagi tanaman padi juga merupakan yang tertinggi bagi daerah ini dengan nilai 58.2 ribu tan metrik. Ia juga merupakan pengeluaran kedua tertinggi selepas Kota Bharu. Namun begitu, dari segi nilai jualan bagi subsektor tanaman, tanaman sayur-sayuran menjadi penyumbang utama sebanyak RM72.34 juta (36.2%), diikuti tanaman padi sebanyak RM66.48 juta (33.2%) dan tanaman buah-buahan sebanyak RM38.31 juta (19.2%). Sayur-sayuran utama yang ditanam di daerah ini adalah cili, terung dan timun. Manakala buah-buahan utama adalah tembikai, durian dan manggis. Selain itu, sumbangan tangkapan perikanan tangkapan laut juga memberangsangkan disokong oleh kawasan laut di Pasir Puteh yang bersempadan dengan Terengganu memberikan pulangan hasil laut yang lumayan seperti udang putih, kembong dan kerisi. Bagi subsektor akuakultur aktiviti ternakan ikan air payau dan tawar menjadi pilihan menghasilkan ikan keli, tilapia merah, patin, siakap dan udang. Ternakan utama di daerah ini adalah ayam dan lembu. Selain itu, daerah ini merupakan daerah kedua tertinggi selepas Kota Bharu dalam penghasilan susu segar sebanyak 153.0 ribu liter dengan nilai jualan sebanyak RM0.54 juta. Kayu getah dan petai pula merupakan hasil daripada subsektor perhutanan dan pembalakan.

Carta 11: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Pasir Puteh, Kelantan, 2023 (RM juta)



Paparan 43: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Pasir Puteh, Kelantan, 2023



Tanaman Padi

- Kuantiti Pengeluaran: 56.2 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM66.49 juta



Tangkapan Udang Putih

- Kuantiti Pengeluaran: 2.1 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM51.92 juta



Tanaman Cili

- Kuantiti Pengeluaran: 2.4 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM26.74 juta



Tanaman Terung

- Kuantiti Pengeluaran: 26.1 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM22.26 juta




Tangkapan Kembong

- Kuantiti Pengeluaran: 2.0 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM19.58 juta

11.6 TANAH MERAH

Tanah Merah terletak di bahagian tengah negeri Kelantan, bersempadan dengan daerah Pasir Mas, Machang, Kuala Krai, Jeli dan negara Thailand. Keluasan daerah Tanah Merah adalah 878.9 kilometer persegi yang memuatkan seramai 156.1 ribu orang penduduk. Keluasan bertanam pertanian di daerah ini adalah 30,764.3 hektar yang melibatkan 10,916 pegangan pertanian. Aktiviti pertanian di daerah ini dipengaruhi oleh Sungai Kelantan yang lebar yang dapat mengairi kawasan pertanian seperti ladang getah, kelapa sawit dan tanaman lain. Keadaan ini menyebabkan subsektor tanaman menjadi pilihan utamabagi penduduk Tanah Merah sebagai salah satu punca pendapatan. Ini disokong berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 yang menunjukkan 97.2 peratus pegangan pertanian di Tanah Merah adalah terlibat dalam subsektor tanaman, diikuti subsektor ternakan 2.7 peratus, akuakultur 0.6 peratus, perikanan 0.1 peratus dan hanya dua pegangan pertanian pertubuhan bagi subsektor perhutanan dan pembalakan. Selari dengan bilangan pegangan pertanian dalam subsektor tanaman yang paling besar, nilai jualan bagi subsektor ini juga turut memberi sumbangan terbesar iaitu RM343.56 juta (95.7%), diikuti oleh subsektor ternakan RM6.66 juta (1.9%), subsektor akuakultur RM5.76 juta (1.6%), subsektor perhutanan dan pembalakan RM2.71 juta (0.8 %) dan subsektor perikanan tangkapan RM0.42 juta (0.1%).


Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Tanah Merah, Kelantan, 2023 (RM juta)



11.6.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN


Kegiatan aktiviti pertanian bagi daerah Tanah Merah adalah dalam kategori pertengahan berbanding daerah-daerah lain di Kelantan. Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang utama subsektor tanaman di daerah ini dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 232.1 ribu tan metrik dan nilai jualan RM219.99 juta yang menyumbang sebanyak 61.3 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan daerah. Pengeluaran hasil sawit daerah banyak diterajui oleh gugusan Felda Kemahang yang menguruskan Komuniti Rancangan Sawit di negeri ini. Terdapat 3 Felda Kemahang iaitu Felda Kemahang 1, 2 dan 3. Sebanyak 91.2 peratus nilai jualan yang dihasilkan adalah daripada 13 pegangan pertanian pertubuhan di daerah ini dengan nilai RM200.66 juta. Selain itu, tanaman getah juga giat dijalankan di daerah ini yang menyumbang kepada kuantiti pengeluaran sebanyak 11.3 ribu tan metrik dengan nilai jualan kedua terbesar iaitu RM46.23 juta. Tanaman getah dikuasai oleh pegangan pertanian individu yang menyumbang sebanyak 75.0 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan tanaman getah. Jelas di sini menunjukkan tanaman komoditi memonopoli daerah ini. Manakala bagi tanaman buah-buahan, tanaman durian mendahului dengan nilai jualan sebanyak RM28.05 juta melalui pengeluaran sebanyak 1.5 ribu tan metrik. Selain itu, tanaman pisang, tembikai dan manggis serta tanaman lain seperti kelapa muda juga banyak diusahakan dan memberikan hasil bagi daerah ini. Manakala bagi kategori sayur-sayuran, tanaman timun merupakan tanamansayuran yang utama yang menyumbang kepada nilai jualan sebanyak RM7.13 juta, diikuti tanaman terung (RM6.03 juta) dan cili (RM5.82 juta).

**Carta 13: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman,
Tanah Merah, Kelantan, 2023 (RM juta)**



Ternakan lembu dan ayam merupakan ternakan haiwan hidup yang utama bagi daerah ini. Sementara itu, bagi hasil ternakan, pengeluaran telur ayam/itik dan telur puyuh turut diusahakan. Manakala ternakan akuakultur yang popular adalah ikan keli dan benihnya. Subsektor perhutanan dan pembalakan di Tanah Merah hanya melibatkan pegangan pertanian pertubuhan yang melibatkan aktiviti pembalakan kayu bakau, kelat, nyatoh dan lain-lain. Bagi subsektor perikanan tangkapan, hanya sedikit perikanan tangkapan darat yang diusahakan berikutnya tiada kawasan laut di daerah atau berhampiran daerah ini.


Paparan 44: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Tanah Merah, Kelantan, 2023



11.7 TUMPAT

Daerah Tumpat berkeluasan 190.2 kilometer persegi dengan kepadatan penduduk 1,034 orang per kilometer persegi. Jumlah pegangan pertanian di Tumpat adalah yang kedua terendah selepas daerah Kecil Lojing iaitu 3,927 pegangan. Begitu juga bagi pegangan pertanian bagi subsektor tanaman dengan bilangan 2,618 pegangan. Bagi subsektor ternakan, ia merupakan pegangan pertanian ketiga terbesar berbanding daerah lain dengan jumlah 946 pegangan (10.4%). Tumpat merupakan salah satu daerah selain Bachok dan Pasir Puteh yang mempunyai laut. Justeru itu, bilangan pegangan pertanian bagi subsektor perikanan tangkapan merupakan yang kedua tertinggi selepas Bachok iaitu 346 pegangan (24.9%). Bagi subsektor akuakultur, Tumpat merekodkan bilangan pegangan tertinggi sebanyak 126 pegangan (16.6%). Pada tahun 2023, nilai jualan subsektor tanaman menyumbang sejumlah RM159.42 juta (53.4%) diikuti subsektor perikanan tangkapan RM107.03 juta (35.9%), ternakan RM24.27 juta (8.1%), akuakultur RM7.70 juta (2.6%) dan perhutanan dan pembalakan RM0.02 (0.0%). Nilai jualan pertanian di Tumpat merupakan yang terendah berbanding daerah lain walaupun subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kegiatan pertanian daerah ini. Luas bertanam dan luas bertuai yang direkodkan masing-masing adalah seluas 12.6 ribu hektar dan 10.3 ribu hektar juga merupakan yang kedua terendah.


Carta 14: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Tumpat, Kelantan, 2023 (RM juta)



11.7.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN

Nilai jualan keseluruhan subsektor tanaman ialah RM159.42 juta dengan nilai tertinggi dicatatkan oleh tanaman sayur-sayuran bernilai RM67.36 juta, diikuti tanaman padi (RM40.70 juta), tanaman buah-buahan (RM24.96 juta) dan tanaman lain (RM24.54 juta). Tanaman utama sayur-sayuran adalah kekacang dengan nilai jualan sebanyak RM28.45 juta, diikuti tanaman terung (RM10.71 juta) dan timun (RM6.54 juta). Jumlah nilai jualan ketiga-tiga jenis sayuran ini telah merangkumi sebanyak 67.9 peratus daripada jumlah nilai jualan tanaman sayur-sayuran. Pegangan pertanian bagi tanaman kekacang di Tumpat merupakan yang keempat tertinggi berbanding daerah lain di Malaysia dengan bilangan 171 (3.3%). Jenis tanaman kedua tertinggi nilai jualan adalah tanaman buah-buahan. Tanaman buah durian merupakan tanaman utama yang menyumbang nilai jualan sebanyak RM18.00 juta dan kuantiti pengeluaran 2.1 ribu tan metrik. Selain itu, pisang, manggis, rambutan dan tembikai juga merupakan tanaman popular di daerah ini. Tanaman lain yang utama adalah tanaman kelapa muda dengan nilai jualan sebanyak RM22.15 juta. Subsektor perikanan tangkapan juga menyumbang hasil yang lumayan bagi pegangan pertanian di Tumpat terutamanya aktiviti perikanan tangkapan laut dalam dan pantai seperti tangkapan udang putih, sotong dan kerisi. Manakala ternakan yang menyumbang kepada nilai jualan pertanian daerah ini adalah kambing, lembu dan ayam. Ternakan akuakultur yang popular adalah keli dan siakap serta aktiviti ternakan pembiakan baka dan benih keli dan ikan hiasan. Subsektor perhutanan dan pembalakan di daerah ini hanya melibatkan aktiviti mencari hasil hutan bukan kayu seperti bunga nipah, daun nipah dan pucuk paku pakis.

Carta 15: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Tumpat, Kelantan, 2023 (RM juta)



Paparan 45: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Tumpat, Kelantan, 2023



Tanaman Padi

- Kuantiti Pengeluaran: 35.5 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM40.70 juta



Tangkapan Udang Putih

- Kuantiti Pengeluaran: 1.4 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM30.51 juta



Tanaman Kekacang

- Kuantiti Pengeluaran: 3.0 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM28.45 juta



Tanaman Kelapa Muda

- Kuantiti Pengeluaran: 14.0 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM22.15 juta




Tangkapan Sotong

- Kuantiti Pengeluaran: 1.5 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM20.30 juta

11.8 GUA MUSANG

Daerah Gua Musang yang berkeluasan 6,365 kilometer persegi merupakan daerah terbesar di negeri Kelantan dengan kepadatan penduduk 17 orang per kilometer persegi. Bilangan pegangan pertanian di daerah ini adalah seramai 7,595 meliputi pegangan pertanian individu seramai 7,448 (98.1%) dan pertubuhan 147 (1.9%). Walaupun sumbangan pegangan pertanian pertubuhan hanya 1.9 peratus berbanding individu, pegangan pertanian pertubuhan di daerah ini merupakan yang tertinggi berbanding daerah lain di Kelantan dengan sumbangan sebanyak 33.3 peratus. Subsektor tanaman di daerah Gua Musang mencatatkan pegangan pertanian seramai 7,295 pegangan. Tanaman getah mempunyai jumlah pegangan pertanian paling tinggi iaitu seramai 5,757 pegangan (78.9%), diikuti kelapa sawit seramai 1,277 pegangan (17.5%) dan tanaman buah-buahan melibatkan seramai 137 pegangan (1.9%). Seramai 232 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti penternakan pada tahun 2023. Manakala bilangan pegangan pertanian bagi subsektor perikanan tangkapan adalah seramai 59 pegangan dan seramai 40 pegangan terlibat dalam subsector akuakultur. Pegangan pertanian bagi subsector perhutanan dan pembalakan di daerah ini berjumlah seramai 95 pegangan (43.6%) merupakan yang tertinggi berbanding daerah lain. Bentuk muka bumi daerah yang masih banyak kawasan hutan mendorong penglibatan penduduk dalam aktiviti ini. Jumlah nilai jualan pertanian daerah ini merupakan yang tertinggi di Kelantan yang menyumbang sebanyak 32.3 peratus dengan nilai sebanyak RM2,299.39 juta. Sama seperti daerah lain di Kelantan, Gua Musang juga didominasi oleh subsektor tanaman dengan nilai jualan sebanyak RM2,197.40 juta (94.8%), diikuti subsektor perhutanan dan pembalakan RM79.72 juta (3.5%), subsektor ternakan RM33.25 juta (1.4%), subsektor perikanan tangkapan RM2.53 juta (0.1%) dan subsektor akuakultur RM4.49 juta (0.2%). Luas bertanam bagi daerah Gua Musang adalah 142.1 ribu hektar, manakala luas bertuai adalah 122.9 ribu hektar. Keluasan bertanam dan bertuai ini didominasi oleh tanaman kelapa sawit dan getah. Keluasan bertanam dan bertuai bagi tanaman kelapa sawit adalah seluas 121.8 ribu hektar (85.7%) dan 106.0 ribu hektar (86.2%). Manakala bagi tanaman getah, keluasan bertanam adalah seluas 18.2 ribu hektar dan keluasan bertuai adalah seluas 15.0 ribu hektar. Pembangunan tanah rancangan FELDA di daerah ini amat menyokong dalam perkembangan aktiviti tanaman komoditi ini.

Carta 16: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Gua Musang, Kelantan, 2023 (RM juta)




11.8.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN

Nilai jualan subsektor tanaman yang tertinggi disumbangkan oleh tanaman kelapa sawit yang merekodkan nilai jualan sebanyak RM1,898.26 juta (87.1%). Pegangan pertanian pertubuhan menguasai tanaman kelapa sawit di daerah ini dengan hasil nilai jualan sebanyak RM1,853.40 juta, menyumbang 97.6 peratus daripada nilai jualan tanaman kelapa sawit. Tanaman buah-buahan merupakan penyumbang kedua tertinggi kepada nilai jualan daerah sebanyak RM156.35 juta (7.2%), diikuti tanaman getah RM63.62 juta (2.9%). Tanaman buah-buahan yang utama adalah durian dengan nilai jualan sebanyak RM126.69 juta, menyumbang sebanyak 81.0 peratus daripada jumlah nilai jualan tanaman buah-buahan. Selain itu, pisang, tembikai dan buah naga juga antara buah-buahan utama yang ditanam di Gua Musang. Tanaman sayur-sayuran utama di daerah ini adalah timun, sawi, cili dan terung. Manakala tanaman lain yang utama ditanam adalah tanaman buluh, kekwa, tebu dan bunga-bungaan. Aktiviti tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman lain ini banyak dikendalikan oleh pertubuhan yang mempunyai kebun besar dan menghasilkan nilai jualan yang lebih lumayan berbanding diusahakan secara individu. Subsektor perhutanan dan pembalakan merupakan subsektor kedua yang terbesar selepas tanaman. Nilai jualan subsektor ini merupakan yang tertinggi berbanding daerah lain. Aktiviti pembalakan yang dijalankan oleh pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM78.98 juta (99.1%) melibatkan kayu sempilor, kayu Malaysia, podo dan hardwood. Manakala hasil hutan yang terlibat adalah rotan, akar kayu dan tenaman herba dan kemuning hitam.

Kuantiti pengeluaran ternakan hidup yang dicatatkan adalah sebanyak 2.28 juta ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 2.27 juta ekor. Nilai jualan bagi keseluruhan subsektor ternakan adalah sebanyak RM33.2 juta. Ternakan utama adalah ayam dengan nilai jualan sebanyak RM27.37 juta. Selain itu, jualan ternakan lembu juga merekodkan nilai jualan yang tinggi sebanyak RM2.89 juta. Aktiviti ternakan akuakultur daerah ini lebih tertumpu kepada aktiviti ternakan ikan air payau dan tawar kelah, patin dan tilapia merah. Terdapat juga aktiviti pembiakan benih keli, udang kara dan puyu dijalankan. Bagi aktiviti dalam subsektor perikanan tangkapan diusahakan secara kecil-kecilan di sungai melibatkan aktiviti perikanan tangkapan darat seperti ikan baung, terubok dan ikan lampam.

Carta 17: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Gua Musang, Kelantan, 2023 (RM juta)




Paparan 46: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Gua Musang, Kelantan, 2023



11.9 KUALA KRAI

Kuala Krai terletak di bahagian tengah negeri Kelantan dan bersempadan dengan Gua Musang, Jeli, Tanah Merah, Machang dan negeri Terengganu serta berkeluasan lebih 2,329 kilometer persegi. Pegangan pertanian di daerah ini berjumlah 11,480 merupakan yang kedua tertinggi berbanding daerah lain yang menyumbang sebanyak 13.1 peratus daripada jumlah pegangan pertanian di Kelantan. Pegangan pertanian individu adalah seramai 11,421 orang (99.5%) dan pertubuhan sebanyak 59 pertubuhan (0.5%). Pegangan pertanian bagi subsektor tanaman merekodkan pegangan pertanian tertinggi bagi daerah ini berjumlah 11,122 pegangan. Kuala Krai merupakan daerah kedua tertinggi di Malaysia mempunyai pegangan pertanian pertubuhan bagi tanaman getah iaitu sebanyak 13 pertubuhan. Manakala subsektor ternakan di daerah ini merekodkan pegangan pertanian kedua tertinggi seramai 334 pegangan (2.9%), diikuti subsektor perikanan tangkapan seramai 64 pegangan (0.6), subsektor akuakultur seramai 62 pegangan (0.5%) dan subsektor perhutanan dan pembalakan seramai 7 pegangan (0.1%). Sementara itu, nilai jualan pertanian Kuala Krai berjumlah RM967.23 juta merupakan yang kedua tertinggi selepas Gua Musang. Komposisi nilai jualan juga didominasi oleh subsektor tanaman dengan nilai RM693.09 (71.7%), diikuti subsektor perhutanan dan pembalakan sebanyak RM208.47 juta (21.6%), subsektor ternakan sebanyak RM57.99 juta (6.0%), subsektor akuakultur sebanyak RM6.21 juta (0.6%) dan subsektor perikanan tangkapan sebanyak RM1.46 juta (0.2%).


Carta 18: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Kuala Krai, Kelantan, 2023 (RM juta)



11.9.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN

Penduduk Kuala Krai memanfaatkan penggunaan tanah dengan tanaman kekal seperti kelapa sawit, getah dan buah-buahan. Tanaman kelapa sawit mencatatkan hasil nilai jualan tertinggi dengan nilai sebanyak RM273.32 juta (39.4%), diikuti tanaman buah-buahan sebanyak RM268.54 juta (38.7%) dan tanaman getah sebanyak RM134.22 juta (19.4%). Ketiga-tiga jenis tanaman telah merangkumi sebanyak 97.5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan bagi subsektor tanaman. Tanaman getah di Kuala Krai merupakan daerah kedua tertinggi di Malaysia selepas Keningau, Sabah bagi keluasan bertanam dan bertuai dengan nilai seluas 28.9 ribu hektar dan 24.7 ribu hektar. Kuantiti pengeluaran getah daerah ini juga merupakan yang tertinggi bagi perbandingan mengikut daerah di Malaysia. Tanaman durian pula merekodkan nilai jualan tertinggi bagi kategori tanaman buah-buahan sebanyak RM230.50 juta. Selain itu, tanaman pisang, manggis, tembikai dan tembikai susu juga merupakan tanaman buah-buahan yang memberikan hasil lumayan bagi pengusaha. Selain itu, subsektor perhutanan dan pembalakan merupakan penyumbang kedua hasil pertanian kepada ekonomi setempat. Aktiviti pembalakan yang dijalankan oleh pegangan pertanian pertubuhan menyumbang hampir keseluruhan nilai jualan subsektor ini. Pembalakan melibatkan kayu batai menghasilkan nilai jualan terbesar iaitu RM190.97 juta. Selain itu, kayu Malaysia, tualang, kempas dan keruing juga popular bagi aktiviti ini. Bagi subsektor ternakan, nilai jualan bagi ternakan ayam dan lembu adalah yang paling tinggi masing-masing RM55.03 juta dan RM2.10 juta. Manakala ternakan akuakultur yang utama di daerah ini ialah ternakan keli dan patin.

Carta 19: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Kuala Krai, Kelantan, 2023 (RM juta)



Paparan 47: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Kuala Krai, Kelantan, 2023



Tanaman Kelapa Sawit

- Kuantiti Pengeluaran: 280.2 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM273.32 juta



Tanaman Durian

- Kuantiti Pengeluaran: 16.3 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM230.50 juta



Aktiviti Pembalakan (Batai)

- Kuantiti Pengeluaran: 509.3 ribu meter padu
- Nilai Jualan: RM190.97 juta



Tanaman Getah

- Kuantiti Pengeluaran: 21.5 ribu tan metrik
- Nilai Jualan: RM134.22 juta




Ternakan Ayam

- Kuantiti Pengeluaran: 4,505.8 ribu ekor
- Nilai Jualan: RM55.03 juta

11.10 JELI

Daerah Jeli yang berkeluasan 1,325.0 kilometer persegi iaitu 8.8% daripada keluasan keseluruhan negeri Kelantan dengan kepadatan penduduk 43 orang per kilometer persegi. Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 5,427 (6.2%) pegangan pertanian direkodkan di daerah ini. Seramai 5,406 (99.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 21 (0.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Mereka ini mendominasi subsektor tanaman sebanyak 5,157 (95.0%), diikuti subsektor ternakan sebanyak 251 (4.6%), subsektor akuakultur sebanyak 65 (1.2%), subsektor perhutanan dan pembalakan sebanyak 28 (0.5%) dan subsektor perikanan tangkapan sebanyak 3 (0.1%). Jumlah nilai jualan pertanian daerah ini merupakan yang keempat tertinggi di Kelantan yang menyumbang sebanyak 9.7 peratus dengan nilai sebanyak RM689.99 juta. Subsektor tanaman turut menjadi penyumbang terbesar nilai jualan bagi Jeli iaitu sebanyak RM645.78 juta (93.6%). Seterusnya subsektor ternakan menjadi penyumbang kedua terbesar sebanyak RM 39.78 juta (5.8%), diikuti subsektor akuakultur sebanyak RM4.29 juta (0.6%) dan subsector perikanan tangkapan sebanyak RM0.08 juta. Manakala keluasan bertanam dan bertuai bagi daearh Jeli adalah seluas 21.4 ribu hektar dan 18.6 hektar.


**Carta 20: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Jeli, Kelantan, 2023
(RM juta)**



11.10.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN

Komposisi nilai jualan bagi subsektor tanaman di Jeli dimonopoli oleh tanaman buah-buahan sebanyak RM486.42 juta yang menyumbang sebanyak 75.3 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan subsektor tanaman. Keluasan bertanam dan bertuai bagi Jeli adalah seluas 5.4 ribu hektar (2.8%) dan 4.9 ribu hektar (3.1%), merupakan yang kelima tertinggi berbanding daerah lain di Kelantan. Tanaman buah-buahan merupakan tanaman utama di Jeli. Durian yang digelar sebagai Raja Buah yang menghasilkan nilai jualan terbesar iaitu RM454.08 juta (93.4%) dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 23.9 ribu tan metrik. Keluasan bertanam dan bertuai bagi tanaman durian di daerah ini juga merupakan daerah yang keempat tertinggi dengan nilai 3.9 ribu hektar dan 3.6 ribu hektar. Selain itu, tanaman pisang, tembakai, rambutan, dokong dan manggis juga merupakan buah-buahan yang banyak memberikan hasil kepada ekonomi setempat. Jeli merupakan daerah kedua tertinggi di Malaysia selepas Sik, Kedah dalam pengeluaran rambutan dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 3.1 ribu tan metrik dan menghasilkan nilai jualan sebanyak RM5.80 juta yang merupakan daerah keempat tertinggi dalam parameter nilai jualan. Tanaman kelapa sawit juga merekodkan nilai jualan yang besar bagi daerah ini sebagai penyumbang kedua dengan nilai RM111.38 juta (17.2%), diikuti tanaman getah sebanyak RM23.80 juta dan tanaman sayur-sayuran RM19.19 juta (3.0%). Selebihnya adalah tanaman lain (kelapa muda dan jagung manis), nanas, padi dan koko.

**Carta 21: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Jeli, Kelantan, 2023
(RM juta)**



Subsektor ternakan merupakan subsektor kedua terbesar nilai jualan di Jeli. Nilai jualan ternakan ayam adalah RM35.08 juta yang menyumbang sebanyak 88.2 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan bagi subsektor ternakan di Jeli. Selain itu ternakan lembu, kambing dan itik juga menjadi pilihan pengusaha ternakan di Jeli. Bagi subsektor akuakultur, ternakan keli, patin, tilapia merah lebih banyak diusahakan berbanding ikan air payau dan tawar yang lain. Terdapat juga aktiviti pembiakan benih keli dan udang kara dijalankan. Mankala bagi subsektor perhutanan dan pembalakan, aktiviti mencari hasil hutan bukan kayu seperti herba kacip fatimah, rotan dan tiang bumi dijalankan secara kecil-kecilan oleh masyarakat orang asli di Jeli.


Paparan 48: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Jeli, Kelantan, 2023



11.11 KECIL LOJING

Daerah Kecil Lojing yang berkeluasan 1,813.1 kilometer persegi merupakan daerah terkecil di negeri Kelantan dengan kepadatan penduduk 6 orang per kilometer persegi. Bilangan pegangan pertanian bagi daerah ini adalah yang paling sedikit berbanding daerah lain iaitu 1,229 (1.4%) dengan pecahan pegangan pertanian individu seramai 1,219 orang dan 10 pertubuhan. Hampir keseluruhan pegangan pertanian adalah terlibat dalam subsektor tanaman iaitu sebanyak 1,208 (98.3%), diikuti subsektor perhutanan dan pembalakan sebanyak 72 (5.9%), subsektor ternakan dan perikanan tangkapan hanya merekodkan satu pegangan sahaja bagi setiap subsektor. Walaupun daerah ini mempunyai pegangan pertanian paling sedikit berbanding daerah lain di Kelantan, nilai jualan pertanian yang direkodkan sebanyak RM712.51 juta adalah yang ketiga tertinggi selepas Gua Musang dan Kuala Krai. Seperti pegangan pertanian, nilai jualan pertanian turut didominasi oleh subsektor tanaman bagi daerah ini dengan nilai RM712.13 juta yang memberi sumbangan sebanyak 99.9 pertaus kepada jumlah keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Seterusnya subsektor perhutanan dan pembalakan menjadi penyumbang kedua terbesar sebanyak RM0.21 juta (0.0%), diikuti subsektor ternakan RM0.15 juta (0.0%) dan subsektor perikanan tangkaapan sebanyak RM0.02 (0.0%). Luas bertanam bagi daerah Kecil Lojing adalah 3.4 ribu hektar, manakala luas bertuai adalah 3.3 ribu hektar.


Carta 22: Nilai Jualan Sektor Pertanian Mengikut Subsektor, Kecil Lojing, Kelantan, 2023 (RM juta)



11.10.1 AKTIVITI UTAMA PERTANIAN


Hampir keseluruhan kegiatan pertanian di daerah ini dikuasai oleh subsektor tanaman. Aktiviti tanaman sayur-sayuran merupakan yang terbesar yang menyumbang kepada subsektor tanaman dengan nilai jualan sebanyak RM640.88 juta (89.9%). Kedudukan daerah Kecil Lojing yang bersebelahan dengan Cameron Highland, Pahang yang terkenal dengan pengeluar utama sayur-sayuran di Malaysia amat menyokong aktiviti tersebut. Selain itu, iklim yang sesuai dan tanah yang subur untuk tanaman amat menggalakkan aktiviti ini terus berkembang. Sayur-sayuran utama yang ditanam di daerah ini adalah tomato yang mempunyai keluasan bertanam seluas 1.2 ribu hektar, mengeluarkan sebanyak 83.5 ribu tan metrik dan menghasilkan nilai jualan sebanyak RM545.24 juta yang memberi sumbangan sebanyak 85.1 peratus daripada jumlah nilai jualan bagi tanaman sayur-sayuran. Keluasan bertanam, bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan tomato di daerah Kecil Lojing merupakan daerah yang kedua tertinggi di Malaysia. Selain itu, tanaman timun juga memberikan pulangan yang lumayan kepada pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini. Kuantiti pengeluaran bagi tanaman timun merekodkan sebanyak 9.0 ribu tan metrik dihasilkan dengan nilai julaan sebanyak RM40.08 juta. Keluasan bertanam, bertuai, kuantiti pengeluaran dan jualan bagi tanaman timun di daerah Kecil Lojing merupakan yang tertinggi berbanding daerah-daerah lain di Malaysia. Seterusnya, tanaman sawi menyumbang sebanyak RM12.12 juta dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 2.3 ribu tan metrik. Selain itu, tanaman cili, terung dan kobis aktif diusahakan di daerah ini. Bagi tanaman buah-buahan, tanaman durian (RM38.42 juta) dan tembikai (RM2.12 juta) merupakan yang utama yang dapat meningkatkan hasil penduduk di daerah Kecil Lojing. Sementara itu, bagi kategori tanaman lain, penyumbang utama adalah kekwa (RM23.31 juta) dan bunga-bungaan (RM1.44 juta).

Carta 23: Nilai Jualan Mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Kecil Lojing, Kelantan, 2023 (RM juta)



Selain itu, subsektor perhutanan dan pembalakan turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat melalui aktiviti pengutipan hasil hutan adalah seperti rotan, buluh dan herba yang memberikan peluang kepada penduduk untuk meningkatkan pendapatan melalui sumber semulajadi secara lestari. Subsektor ternakan turut memberikan sumbangan kepada ekonomi setempat. Berdasarkan data Banci Pertanian 2024, nilai jualan subsektor RM0.15 juta dan pengeluaran sebanyak 176 ekor yang melibatkan ternakan seperti bebiri, lembu, rusa dan arnab. Kuantiti pengeluaran subsektor perikanan tangkapan adalah sebanyak 1.07 tan metrik dan nilai jualan RM0.02 juta yang melibatkan hasil tangkapan nelayan darat.

Paparan 49: Aktiviti Utama Pertanian Berdasarkan Nilai Jualan, Kecil Lojing, Kelantan, 2023



CABARAN DAN PELUANG DALAM TRANSFORMASI PERTANIAN NEGERI KELANTAN)

(Wan Nur Hasnarizwa Wan Hasan, Mohd Shahrill Abdul Rashid,
Zulkynandy Zainuddin, Mazlin Fazni Mohd Hanapi)

PENGENALAN

Sektor pertanian telah lama menjadi pamacu utama pembangunan ekonomi dan sosial di Negeri Kelantan. Secara tradisional, tumpuan diberikan kepada tanaman getah dan kelapa sawit, sebelum berkembang kepada pelbagai jenis tanaman lain seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran serta akuakultur. Meskipun sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri menunjukkan sedikit penurunan kepada 20.3 peratus pada tahun 2023 berbanding 20.9 peratus pada tahun 2022, sektor pertanian masih lagi merupakan antara penyumbang utama kepada struktur ekonomi Negeri Kelantan selepas sektor perkhidmatan seperti di Jadual 1. Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama KDNK negeri dengan merekodkan sumbangan 71.6 peratus pada tahun 2023 berbanding 70.8 peratus pada tahun sebelumnya.


Jadual 1: Peratus sumbangan KDNK mengikut sektor bagi Negeri Kelantan,
2015 - 2023

Sektor	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022 ^e	2023 ^p
Pertanian	23.8	23.5	23.3	22.5	22.8	23.1	22.8	20.9	20.3
Perlombongan dan pengkuarian	1.1	1.1	1.3	1.5	1.6	1.4	1.4	1.5	1.5
Pembuatan	5.4	5.2	5.4	5.3	5.1	4.9	4.9	4.8	4.6
Pembinaan	2.1	2.6	2.2	1.3	1.5	1.6	1.6	1.8	1.9
Perkhidmatan	67.5	67.4	67.7	69.3	68.8	69.0	69.3	70.8	71.6

Sumber: Laporan Sosioekonomi, 2023

Berdasarkan empat subsektor pertanian yang direkodkan dalam KDNK negeri, tanaman mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu sebanyak 14.8 peratus pada tahun 2023. Perhutanan dan pembalakan merekodkan sumbangan kedua tertinggi (3.1%) diikuti sektor perikanan (1.3%) dan ternakan (1.1%) seperti di paparkan pada carta 1.

Carta 1: Peratus sumbangan KDNK mengikut subsektor pertanian bagi Negeri Kelantan, 2015 - 2023



Sumber: Laporan Sosioekonomi, 2023

CABARAN SEKTOR PERTANIAN

Impak Perubahan iklim

Sektor pertanian di Kelantan menghadapi pelbagai cabaran sukar yang menjelaskan kelangsungan hidup petani dan pengeluaran makanan, khususnya pengeluaran padi. Antara cabaran utama ialah kesan perubahan iklim seperti kemarau dan banjir yang berulang setiap tahun. Sebagai contoh, kemarau yang melanda sejak Mac 2024 telah menyebabkan kerugian besar kepada pesawah di enam daerah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), dengan kerugian dianggarkan mencecah RM58 juta melibatkan hampir 8,900 hektar sawah padi yang musnah (Ghaffa, 2024). Selain itu, seramai 2,972 petani terjejas akibat kemarau yang memusnahkan lebih 7,467 hektar tanaman, memaksa kerajaan negeri meluluskan bantuan segera termasuk pembinaan telaga tiub dan penyediaan pam air (Sinar Harian, 2024). Perubahan corak taburan hujan yang tidak menentu menyebabkan gangguan bekalan air untuk pengairan tanaman, memaksa petani menghabiskan lebih banyak masa dan kos untuk mengairi tanaman atau menghadapi kerosakan akibat banjir (Rashid, 2024).

Selain kemarau, banjir yang semakin kerap dan meluas juga merupakan faktor perubahan iklim yang menjelaskan pertanian di Kelantan. Pada akhir 2024, banjir telah menyebabkan kerugian sebanyak RM33.2 juta, menjelaskan lebih 10,229 hektar kawasan pertanian termasuk 9,958 hektar sawah padi yang melibatkan 4,207 pesawah (Kamarudin, 2024). Faktor pembalakan dan pembangunan tanpa kawalan telah mengakibatkan berkurangnya kawasan tadahan air semula jadi seterusnya menyumbang kepada peningkatan risiko banjir. Kesemua faktor ini menuntut kepada perancangan dan tindakan segera, termasuk pelaksanaan program bantuan kepada petani, pembangunan infrastruktur pengairan yang cekap, serta penggubalan undang-undang untuk memastikan kelestarian alam sekitar dalam aktiviti pertanian (Ismail, 2024). Selain kerosakan tanaman, infrastruktur pertanian seperti pam air dan sistem saliran turut terjejas, menambahkan lagi beban kepada petani yang sudah sedia terbeban.

Kekurangan tanah pertanian

Di samping itu, kekurangan tanah dan bekalan air juga merupakan cabaran dalam transformasi pertanian di Kelantan (Razali, 2024). Negeri ini menghadapi masalah tanah pertanian yang semakin berkurangan akibat penukaran tanah pertanian kepada tanah pembangunan dan industri oleh kerajaan negeri, sekaligus menghadkan keluasan tanah yang boleh digunakan untuk pertanian komersial (Lembaga Pertubuhan Peladang, 2021). Selain itu, terdapat juga tanah kerajaan yang belum diteroka sepenuhnya untuk tujuan pertanian, namun proses memajukan tanah ini memerlukan perancangan teliti agar tidak menjelaskan sumber air dan alam sekitar (Zaidi, 2024). Kekurangan bekalan air pula menjadi cabaran kritikal kerana pertanian, khususnya tanaman sebagai jelapang makanan negara. Selain itu, masalah bekalan air yang tidak mencukupi juga menjadi isu berpanjangan. Sebagai contoh di kawasan Bachok yang bergantung kepada pam kemubu. Kerosakan pada pam ini menyebabkan gangguan bekalan air, menjelaskan pertumbuhan tanaman dan memaksa petani membuat pinjaman untuk kelangsungan hidup. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk menambahbaik infrastruktur pengairan dan pengurusan sumber air yang lebih berkesan (Bernama, 2024).

Kekurangan Tenaga Buruh

Seterusnya, kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian di Kelantan merupakan cabaran yang menjelaskan produktiviti dan kelangsungan industri tersebut. Sektor pertanian, terutamanya dalam aktiviti seperti menuai dan pengurusan tanaman, sangat bergantung kepada tenaga kerja manual. Menurut laporan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, kekurangan tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam penanaman sawit dan pertanian menjadi isu kritikal yang perlu ditangani segera kerana sektor ini semakin dimonopoli oleh tenaga kerja asing (Rozlan, 2023). Kebergantungan tinggi kepada pekerja asing ini menimbulkan risiko terutama apabila terdapat sekatan ataukekangan pengambilan pekerja asing.

Faktor demografi turut menyumbang kepada kekurangan tenaga buruh tempatan. Golongan muda di Kelantan kurang berminat untuk menceburu sektor pertanian kerana pekerjaan ini dianggap kurang menarik dan kurang berpendapatan berbanding sektor lain. Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan Tanah Universiti Putra Malaysia, Dr. Daljit Singh Karam Singh, pembabitan golongan belia dalam pertanian adalah penting untuk memastikan kelestarian bekalan makanan, namun ketiadaan pelapis muda menyebabkan sektor ini berdepan risiko kekurangan tenaga kerja berterusan (Rozlan, 2023). Persepsi negatif terhadap pekerjaan pertanian dan pilihan kerjaya yang lebih fleksibel dalam ekonomi gig turut menyebabkan generasi muda menjauhkan diri daripada sektor ini.

Teknologi dan Kos Pengeluaran

Penggunaan teknologi yang rendah dalam sektor pertanian di Kelantan menjadi kekangan kerana petani masih bergantung kepada kaedah tradisional yang kurang efisien. Hal ini menyebabkan produktiviti pertanian tidak dapat dimaksimumkan namun negeri ini mempunyai potensi besar dalam pengeluaran padi dan hasil tani lain. Misalnya, walaupun terdapat usaha seperti pengeluaran beras jenama Darul Naim yang mampu memproses sehingga 600 tan metrik padi sehari, kebanyakan petani masih menggunakan kaedah tradisional yang membataskan skala operasi mereka (Liyana, 2025).

Selain itu, kos pengeluaran yang tinggi turut menyumbang kepada masalah dalam transformasi pertanian di Kelantan. Kos yang tinggi ini berpunca daripada kekurangan penggunaan teknologi moden yang menyebabkan hasil pengeluaran tidak setimpal dengan perbelanjaan yang dikeluarkan. Model pertanian yang menggunakan konsep '*economies of scale*' telah terbukti dapat

mengurangkan kos melalui skala operasi yang lebih besar, namun petani tradisional di Kelantan masih menghadapi kesukaran untuk beralih ke model ini kerana kekangan modal dan teknologi (Metro, 2024).

Pelaburan dan sokongan dalam teknologi moden juga masih kurang di Kelantan, yang menghalang petani tradisional daripada mengadaptasi teknologi terkini. Walaupun terdapat peruntukan sebanyak RM900,000 untuk projek pertanian bandar, jumlah ini masih belum mencukupi untuk meliputi keperluan teknologi moden secara menyeluruh di seluruh negeri (Bernama, 2020). Kekurangan kemudahan pembiayaan dan pelaburan swasta menyebabkan petani tradisional sukar untuk mendapatkan peralatan dan teknologi baru yang boleh meningkatkan hasil dan efisiensi pertanian mereka.

TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN DI KELANTAN

Kemajuan teknologi moden telah mempengaruhi hampir setiap aspek kehidupan manusia, termasuk bidang pertanian. Salah satu konsep baharu dalam pengurusan pertanian moden ialah pertanian pintar. Teknologi moden seperti sistem pengairan automatik, teknologi ramalan cuaca, penderia tanah pintar dan dron untuk pemantauan ladang merupakan teknologi moden yang digunakan dalam pertanian pintar. Teknologi ini membolehkan petani memaksimumkan proses kerja dan memperoleh hasil yang lebih baik (Infopertanian, 2024). Peluang ini menjadikan pertanian lebih menjimatkan dengan mengurangkan keperluan tenaga buruh, kos operasi serta meningkatkan jumlah keluaran.

Kajian menunjukkan bahawa penggunaan sensor dalam pertanian padi dapat mengurangkan penggunaan air sebanyak 20 peratus dan meningkatkan pengeluaran sebanyak 30 peratus, petani boleh menerima arahan tentang masa yang sesuai untuk membaja atau menyiram (Md Fauzi Ahmad, 2023). Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukkan lebih RM26 juta bermula tahun 2006 sehingga 2023 untuk membangunkan kawasan tanah terbiasa seluas 3,332.92 hektar bagi tujuan pertanian.

Inisiatif Digitalisasi Pertanian

Kerajaan Negeri Kelantan telah memperkenalkan 12 inisiatif pertanian yang merangkumi pelbagai aspek pemodenan dalam sektor pertanian seperti di Jadual 2.

Jadual 2: 12 Inisiatif Pertanian dalam Pelbagai Aspek Pemodenan.

1	Pendigitalan Internet of Things (IOT)	Inisiatif bagi kaedah IOT ini membolehkan penyambungan peranti kepada rangkaian internet yang mampu mengawal suhu atau kelarutan, pH (Potential of Hydrogen) media tanaman, proses pembajaan dan meracun hanya dikawal melalui smartphone	8	Geographic Information System (GIS)	Dalam sektor akuakultur, Jabatan Perikanan Malaysia sedang membangunkan GIS untuk ladang-ladang ternakan agar pengurusan sistem melalui integrasi data-data lebih bersistematis serta berhubungan demikian dengan elemen pengurusan sumber perikanan negara lebih produktif dan mampan.
2	Pendigitalan Geospatial Pertanian	Inisiatif kaedah yang ini pula mampu untuk mengenalpasti bentuk muka bumi, ciri tanah dan kecerunan	9	Sistem E-Ternak	Pelancaran Sistem E-Ternak dengan melibat dua fungsi utama iaitu sebagai Sistem Pendaftaran Lembu atau Kerbau dan juga Pelaporan Kemajuan Ternakan Pawah Secara Atas Talian (E-Pawah) untuk memudahkan pengisian, sekali gus memudahkan proses pelaporan kemajuan ternakan pawah yang melibatkan data ternakan seperti pendaftaran Lembu atau Kerbau, maklumat kelahiran termasuk kesihatan. Manfaat sistem ini mampu menyediakan sistem pemantauan dan pelaporan ternakan pawah dengan lebih cepat, mudah dan sistematis serta mesra pengguna.
3	Penggunaan drone	Penggunaan drone juga dapat membantu petani dalam menjalankan aktiviti pertanian seperti pembajaan dan meracun, sekali gus dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja dan penggunaan bahan kimia pada tanaman menjadi lebih berkesan dan lebih menjimatkan kos terutamanya bagi projek pertanian berskala besar	10	Sistem e-Baka	Sistem e-Baka tulen adalah bertujuan untuk memudahkan pendaftaran ternakan baka tulen bagi haiwan seperti tembu, kerbau, kambing, bebin dan babi. Manfaat yang diperoleh daripada sistem antaranya ternakan baka tulen tempatan mempunyai potensi genetik yang setanding dengan ternakan baka di luar negara di samping menambah nilai ternakan baka yang dihasilkan dalam Negara.
4	Agrimaths	Aplikasi yang menyediakan panduan ringkas menjadi petani moden kepada golongan belia atau usahawan tanah yang baru mula berjinak dalam sektor pertanian. Dengan aplikasi di hujung jari ini boleh mendapatkan info teknologi pertanian terkini menerusi playstore aplikasi telefon pintar.	11	Veterinary Online Map (VENOM)	Sistem Venom merupakan sebuah aplikasi pemetaan maklumat ternakan secara GIS yang dibangunkan bagi memplotkan maklumat industri ternakan. Dengan Lokasi ladang ternakan yang dipaparkan secara GIS beserta maklumat yang telah dilengkapkan, pengguna JPV berupaya mengenalpasti kedudukan dan mengetahui maklumat ladang-ladang ternakan.
5	Kilang Tanaman (Plant Factory)	Selaras dengan perkembangan teknologi evolusi Industri 4.0, Plant Factory mula dibangunkan di mana proses penanaman sayuran di dalam bangunan yang membantu petani untuk mencapai penghasilan sayuran secara berterusan sepanjang tahun tanpa gangguan disebabkan oleh bencana alam seperti banjir.	12	sistem E-Vetpermit yang juga dikenali sebagai E-Permit2	E-Permit2 diwujudkan bagi urusan sistem pengurusan permohonan pemindahan ternakan secara elektronik. Pemindahan ternakan dilaksanakan untuk tujuan pembiakan, pemeliharaan dan sembelihan, sementara produk haiwan sama ada sebagai makanan atau bahan mentah kepada proses seterusnya. Tiga aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam pemindahan haiwan, status penyakit di lokasi asal dan lokasi yang ingin dituju serta kebajikan haiwan
6	Automatic Identification System (AIS) dan Mobile Transceiver Unit (MTU)	Invasi dalam sektor perikanan di mana Jabatan Perikanan Malaysia telah memperkenalkan dan menguakasai peralatan teknologi pegasawan pemantauan di laut iaitu AIS dan MTU pada vesel penangkapan ikan tempatan.			
7	Radio-frequency Identification (RFID) dan kod QR	Jabatan Perikanan Malaysia juga sedang menjalankan program RFID dan kod QR bagi tujuan memudahkan pengenal dan identifikasi vesel.			

Pertanian pintar memberi manfaat besar kepada pertanian masa kini dengan penambahbaikan dalam hampir setiap aspek operasi. Penggunaan dron dan satelit dengan kamera merupakan alat pertanian pintar yang paling berkesan, digunakan untuk mengemaskini peta dan memantau kawasan yang jauh tanpa perlu melawati lapangan (Md Fauzi Ahmad, 2023). Dengan itu, petani boleh mengambil tindakan segera dan tepat berdasarkan gambar dan data daripada dron, sekaligus dapat meningkatkan kualiti hasil tanaman dan mengurangkan kerugian. Di Kelantan, penggunaan teknologi seperti ini bukan sahaja meningkatkan pengeluaran, tetapi juga menyumbang kepada keselamatan dan kelestarian kawasan pertanian dalam jangka masa panjang.

Bioteknologi dan pertanian merupakan dua bidang yang tidak dapat dipisahkan dalam usaha merancang sistem pertanian yang lebih moden, mampan dan berdaya saing. Di Negeri Kelantan, penerapan bioteknologi dalam sektor pertanian berpotensi meningkatkan hasil tempatan, memperkuuh daya tahan

tanaman terhadap persekitaran ekstrem, serta mengurangkan kebergantungan kepada bahan kimia berbahaya. Salah satu langkah strategik yang boleh diambil ialah melaksanakan pengubahsuai genetik tanaman dengan kerjasama institusi penyelidikan serta menggunakan teknologi *Clustered Regularly Interspaced Short Palindromic Repeats (CRISPR)*. Genetik padi baharu yang tahan air boleh dihasilkan tanpa menjelaskan kualiti atau hasil tanaman. China telah berjaya menggunakan teknologi CRISPR untuk mengubah gen tanaman padi yang lebih tahan panas (Chiu A., 2025).

Inovasi seperti ini amat relevan bagi Kelantan yang kerap berdepan dengan cuaca ekstrem dan banjir, seterusnya menjamin kestabilan bekalan makanan dan pendapatan petani. Selain itu, integrasi teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bersama CRISPR berupaya mempercepat pembangunan tanaman pintar (*smart crops*) dengan mengenal pasti dan memanipulasi ciri genetik unggul secara lebih pantas dan tepat (Doudna J., 2024). Usaha ini berpotensi menjadikan Kelantan sebagai pengeluar tanaman berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan dan eksport, sekaligus meningkatkan nilai ekonomi negeri. Justeru, bioteknologi bukan sahaja mampu meningkatkan hasil pertanian secara mampan, malah membuka laluan baharu untuk pembangunan ekonomi negeri selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

Majoriti petani mengamalkan kaedah pembajaan secara tradisional pada masa lalu, yang bergantung kepada pengalaman dan anggaran tanpa merujuk kepada penyelidikan terhadap kandungan nutrien yang terdapat dalam tanah atau tanaman. Walaupun pendekatan ini telah wujud sejak sekian lama, ia sering membawa implikasi negatif yang ketara. Ini termasuk pembaziran baja dan kemerosotan kualiti tanah disebabkan oleh pengumpulan nutrien jangka panjang yang berlebihan seperti nitrogen, fosfor dan kalium. Amalan ini turut menyumbang kepada peningkatan kos pengurusan ladang, di samping risiko pencemaran sumber air akibat larutan baja yang memasuki sistem saliran, sekali gus menjelaskan keseimbangan ekosistem akuatik.

Walau bagaimanapun, pengurusan nutrien kini lebih tepat dan berkesan dengan kemunculan pendekatan moden berdasarkan data. Sistem *Diagnosis and Recommendation Integrated System (DRIS)* adalah antara contoh terbaik yang membolehkan petani melakukan analisis mendalam tentang kandungan nutrien tanah dan tisu tumbuhan, dan kemudian mencadangkan jenis dan kadar baja yang terbaik (Anago et al., 2020). Dengan menggunakan pendekatan ini, petani boleh menentukan sama ada nutrien kekurangan atau berlebihan, sekali gus menghalang pembaziran dan menjamin bahawa tumbuhan akan mendapat tahap nutrien yang mencukupi.

Agropelancongan dan Usahawan

Bagi menggalakkan penyertaan golongan muda dalam bidang pertanian, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menarik minat belia, termasuk Program Agropreneur Muda yang menyediakan geran dan latihan kepada individu berumur 18 hingga 40 tahun. Sehingga kini, lebih 7,000 agropreneur muda telah menerima bantuan melalui program ini. Namun, penglibatan belia masih belum mencukupi untuk menggantikan tenaga kerja berusia yang sedia ada (Bernama, 2023). Kerajaan Kelantan memperuntukkan lebih RM3.6 juta dalam usaha memperhebatkan sektor usahawan tani di negeri ini. Pelaksanaan ini dibuat di bawah program pembangunan meliputi pembangunan tanah terbiar, tanaman padi, komoditi, industri sayur-sayuran, buah-buahan, industri kecil dan sederhana berasaskan pertanian, aktiviti hiliran industri kecil dan sederhana, pembangunan usahawan tani serta pembangunan industri kelapa (Sinar Harian, 2024).

Dibawah program ini, sebanyak RM500,000 diperuntukan untuk projek pembangunan usahawan tani dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan usahawan kepada RM5,000 sebulan. Keutamaan diberikan kepada belia untuk menceburi bidang pertanian melalui peruntukan program-program pembangunan di bawah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan selaras dengan pelan penggantian petani bagi meningkatkan bilangan usahawan tani muda sebagai generasi pelapis kepada golongan usahawan tani yang berumur.

PENUTUP

Secara keseluruhan, transformasi pertanian di Kelantan menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks dan saling berkait, termasuk kesan perubahan iklim yang menyebabkan kemarau dan banjir berulang, kekurangan tanah dan bekalan air yang tidak mencukupi, kekurangan tenaga buruh tempatan, serta penggunaan teknologi yang rendah. Untuk memastikan kelangsungan dan kemajuan sektor pertanian negeri ini, usaha bersepadu yang melibatkan penambahbaikan infrastruktur pengairan, penglibatan generasi muda, pelaburan dalam teknologi moden, serta dasar dan program sokongan yang berkesan amat diperlukan.

Dengan pendekatan yang tepat dan komitmen semua pihak, Kelantan berpotensi untuk menjadi jelapang makanan yang mampan dan berdaya saing di masa hadapan. Usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk membangunkan sektor pertanian dapat dilihat melalui pelbagai inisiatif dan perancangan yang dilaksanakan seperti di Jadual 3. Projek ini dijangka dapat merubah lanskap sektor pertanian di Negeri Kelantan.

Jadual 3 : Senarai Projek Pembangunan Pertanian Negeri Kelantan

Projek Pertanian	Lokasi	Matlamat
Rong Chenok Agro Valley	Pasir Mas (~121 ha)	Pusat pertanian & penternakan moden, pelancongan agro
Reban ayam moden	Rong Chenok	Kapasiti 25k ayam/pusingan, produktiviti tinggi
Kilang Padi "Agro Darulnaim"	Meranti, Pasir Mas	Pemprosesan beras jenama tempatan
Ternakan lembu & tenuusu	Negeri Kelantan	Peningkatan pengeluaran daging & susu
Hidroponik, tebu & cuka komoditi	Pelbagai lokasi PKPNK	Diversifikasi tanaman & hiliran buah
Tanah terbiar	Seluruh Kelantan	Optimalisasi tanah untuk tanaman padi & komoditi
Kecilkan pekebun getah (RISDA)	11 jajahan	Penyemak permulaan semula, produktiviti & kesihatan tanaman getah
Teknologi pertanian & IoT	Negeri Kelantan	Pendigitalan & penambahbaikan efisiensi agromakanan

Sektor pertanian di Kelantan bukan sekadar warisan ekonomi, tetapi kini sedang berubah arah menjadi lebih moden, mampan dan berdaya saing. Dengan perancangan strategik serta pelaburan dalam teknologi, pertanian Kelantan dijangka akan terus berkembang sebagai pemangkin keselamatan makanan dan pembangunan luar bandar.

Penafian

Penulisan ini adalah inisiatif penulis berdasarkan pandangan yang diperoleh dari pengumpulan data dan bahan bacaan ilmiah berkaitan aktiviti pertanian yang dikaji. Pandangan yang dikemukakan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

RUJUKAN

- Anago, Firmin N., Gustave D. Dagbenonbakin, Brice T. C. Oussou, Emile C. Agbangba, Aliou Saidou, and Guillaume L. Amadji. 2020. "Assessment of Nutritional Status of Rainfed Rice in Benin Using Diagnosis and Recommendation Integrated System (DRIS)". *International Journal of Plant & Soil Science* 32 (1):74-83. <https://doi.org/10.9734/ijpss/2020/v32i130236>.
- Bernama. (2020, Ogos 23). RM900,000 bagi projek pertanian bandar di Kelantan - Che Abdullah. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1872766>
- Bernama. (2023, Februari 25). KPKM fokus penglibatan belia dalam sektor pertanian. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpkm-fokus-penglibatan-belia-dalam-sektor-pertanian-408231?.com>
- Bernama. (2024, Oktober 10). Belanjawan 2025: Kelantan harap RM1.3 bilion untuk pertanian. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2025-kelantan-harap-rm13-bilion-untuk-pertanian-491117>
- Chiu, A. (2025, May 29). A gene could be key to growing rice, and feeding billions, in a hotter world. *The Washington Post*. https://www.washingtonpost.com/climate-solutions/2025/05/29/rice-climate-change-heat-gene/?utm_source=chatgpt.com
- Doudna, J. (2024, November 26). Combining AI and CRISPR will be transformational. *WIRED*. https://www.wired.com/story/combining-ai-and-crispr-will-be-transformational/?utm_source=chatgpt.com
